# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 771

### AKTA SURUHANJAYA PENERBANGAN MALAYSIA 2015

WJW005003 BM.indd 1 8/27/15 10:40 AM

Tarikh Perkenan Diraja ... ... 25 Ogos 2015

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... 27 Ogos 2015

**Hakcipta Pencetak (H)**
**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**
Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 771

## AKTA SURUHANJAYA PENERBANGAN MALAYSIA 2015

SUSUNAN SEKSYEN

Bahagian I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

Bahagian II

SURUHANJAYA

3. Penubuhan Suruhanjaya
4. Meterai perbadanan
5. Keanggotaan Suruhanjaya
6. Anggota silih ganti
7. Tempoh jawatan
8. Saraan dan elaun
9. Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan
10. Pengosongan jawatan
11. Kesan pemberhentian keanggotaan
12. Jawatankuasa
13. Penzahiran kepentingan
14. Jadual Pertama
15. Kod kelakuan
16. Panel Tatatertib dan prosiding tatatertib

Bahagian III

FUNGSI DAN KUASA SURUHANJAYA DAN PENGERUSI EKSEKUTIF

17. Fungsi Suruhanjaya
18. Kuasa Suruhanjaya

Seksyen
19. Suruhanjaya hendaklah berunding dengan Ketua Pengarah Penerbangan Awam
20. Pewakilan fungsi dan kuasa Suruhanjaya
21. Fungsi Pengerusi Eksekutif
22. Penjalanan sementara fungsi Pengerusi Eksekutif

Bahagian IV

PEKERJA SURUHANJAYA

23. Pelantikan pekerja Suruhanjaya
24. Syarat perkhidmatan, kelakuan dan tatatertib

Bahagian V

KEWANGAN

25. Kumpulan Wang Suruhanjaya Penerbangan
26. Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang
27. Kumpulan Wang Perkhidmatan Awam
28. Pemeliharaan Kumpulan Wang
29. Akaun bank
30. Kuasa untuk meminjam
31. Pelaburan
32. Tatacara kewangan
33. Tahun kewangan
34. Akaun dan laporan

Bahagian VI

PELESENAN DAN CAJ

35. Lesen perkhidmatan udara
36. Permit perkhidmatan udara
37. Lesen pengendalian darat
38. Lesen pengendali aerodrom
39. Permohonan bagi lesen atau permit
40. Kuasa untuk mengenakan syarat
41. Tempoh lesen atau permit

Seksyen
42. Pembaharuan lesen atau permit
43. Penggantungan atau pembatalan lesen atau permit
44. Penyerahan balik lesen atau permit
45. Pemindahmilikan atau penyerahhakan lesen atau permit
46. Kuasa untuk menetapkan caj

Bahagian VII

PERSAINGAN

Penggal 1

*Tafsiran dan pemakaian*

47. Tafsiran
48. Pemakaian Bahagian ini

Penggal 2

*Perjanjian antipersaingan*

49. Perjanjian yang dilarang
50. Pelepasan liabiliti
51. Pengecualian individu
52. Pengecualian blok

Penggal 3

*Penyalahgunaan kedudukan dominan*

53. Penyalahgunaan kedudukan dominan dilarang

Penggal 4

*Percantuman*

54. Percantuman
55. Pemberitahuan percantuman yang dijangkakan
56. Pemberitahuan percantuman

Penggal 5

*Keputusan oleh Suruhanjaya*

57. Langkah interim

Seksyen

58. Dapatan tiada pelanggaran
59. Dapatan pelanggaran
60. Rejim kelonggaran
61. Penguatkuasaan arahan atau keputusan
62. Kuasa untuk menerima aku janji

Penggal 6

*Am*

63. Kajian semula pasaran perkhidmatan penerbangan
64. Hak tindakan persendirian
65. Kuasa untuk mengeluarkan garis panduan

BAHAGIAN VIII

HAK TRAFIK UDARA DAN PENGUNTUKAN SLOT

66. Hak trafik udara
67. Penguntukan slot

BAHAGIAN IX

OBLIGASI PERKHIDMATAN AWAM

68. Obligasi perkhidmatan awam

BAHAGIAN X

PERLINDUNGAN PENGGUNA

69. Kod pengguna
70. Aduan pengguna
71. Penentuan aduan pengguna
72. Pemerdapatan kembali penalti kewangan atau kos yang tidak dibayar
73. Penguatkuasaan keputusan mengenai aduan pengguna

BAHAGIAN XI

PENYELESAIAN PERTIKAIAN

74. Pertikaian
75. Suruhanjaya hendaklah membuat keputusan mengenai pertikaian

Seksyen

76. Keputusan hendaklah secara bertulis

77. Pendaftaran keputusan

78. Penguatkuasaan keputusan

Bahagian XII

PENGUATKUASAAN DAN PENYIASATAN

79. Pegawai diberi kuasa

80. Kuasa penguatkuasaan, pemeriksaan dan penyiasatan

81. Kuasa untuk menghendaki maklumat

82. Kuasa untuk menjalankan pemeriksaan

83. Kuasa untuk menyiasat

84. Memberikan maklumat, keterangan atau dokumen palsu atau mengelirukan

85. Perintah pematuhan

86. Pemberian maklumat

87. Ancaman atau tindakan balas dilarang

Bahagian XIII

AM

88. Rayuan kepada Mahkamah Tinggi

89. Audit industri penerbangan awam

90. Penyata, laporan, akaun dan maklumat

91. Penjalanan pendakwaan

92. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan

93. Pekhidmat awam dan pegawai awam

94. Obligasi kerahsiaan

95. Representasi dalam prosiding sivil

96. Perlindungan daripada guaman dan prosiding undang-undang

97. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

98. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

99. Kuasa untuk meminda Jadual

BAHAGIAN XIV

KECUALIAN DAN PERALIHAN

Seksyen

100. Kecualian bagi lesen dan permit

101. Kecualian bagi Perjanjian Perkhidmatan Udara Luar Bandar

102. Penerusan permohonan, dsb., yang belum selesai

103. Perkhidmatan pengendalian darat yang sedia ada

104. Perjanjian yang sedia ada

105. Benda yang dilakukan pada menjangkakan Akta ini diperbuat

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 771

## AKTA SURUHANJAYA PENERBANGAN MALAYSIA 2015

Suatu Akta untuk menubuhkan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia untuk mengawal selia perkara ekonomi yang berhubungan dengan industri penerbangan awam dan untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi dan kuasanya dan perkara yang berkaitan.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

### Bahagian I

### PERMULAAN

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Tafsiran**

**2.** Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"aerodrom" ertinya mana-mana kawasan tanah atau air, termasuklah apa-apa lapangan terbang, lapangan terbang kecil

(termasuklah lapangan terbang kecil air), lapangan helikopter, bangunan, pepasangan dan kelengkapan, untuk digunakan secara keseluruhan atau sebahagiannya bagi pendaratan, pelepasan atau pergerakan pesawat udara;

"hak trafik udara" ertinya hak sesuatu syarikat penerbangan yang ditetapkan, dinamakan atau selainnya dibenarkan oleh Kerajaan untuk mengadakan perkhidmatan udara bagi perjalanan berjadual dari, ke atau merentas sesuatu negara di bawah suatu perjanjian perkhidmatan udara, dan termasuklah bandar yang hendak dihubungkan, laluan yang padanya perkhidmatan udara hendaklah diberikan, jenis trafik yang hendak dibawa dan kapasiti yang hendak diberikan;

"jawatankuasa" ertinya mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 12 atau 71;

"Ketua Pengarah Penerbangan Awam" ertinya Ketua Pengarah Penerbangan Awam Malaysia yang disebut dalam Akta Penerbangan Awam 1969 [*Akta 3*];

"Kumpulan Wang" ertinya Kumpulan Wang Suruhanjaya Penerbangan yang ditubuhkan di bawah seksyen 25;

"Kumpulan Wang Perkhidmatan Awam" ertinya Kumpulan Wang Perkhidmatan Awam yang ditubuhkan di bawah seksyen 27;

"lapangan terbang" ertinya agregat tanah yang terdapat dalam suatu aerodrom termasuklah bangunan, hangar pesawat udara, tempat penyimpanan, kemudahan, jalan dan tempat letak kereta yang digunakan atau dicadangkan untuk digunakan secara keseluruhan atau sebahagiannya bagi maksud atau berkaitan dengan pengendalian aerodrom itu;

"Menteri" ertinya Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi pengangkutan;

"obligasi perkhidmatan awam" ertinya pengadaan suatu perkhidmatan bagi membawa melalui udara atau penggunaan mana-mana pesawat udara untuk membawa penumpang, mel atau kargo untuk sewa atau upah bagi suatu perjalanan berjadual di antara aerodrom—

*(a)* yang satu aerodrom atau lebih menghubungkan suatu wilayah dalam Malaysia yang terpencil atau kurang penduduk atau mempunyai isu perhubungan yang signifikan oleh

sebab kepinggiran geografinya atau kekurangan pilihan pengangkutan darat yang mencukupi; atau

*(b)* yang menghubungkan suatu laluan yang dianggap penting bagi pembangunan ekonomi dan sosial Malaysia atau demi kepentingan negara,

yang tidak akan dibuat oleh syarikat penerbangan jika syarikat penerbangan itu hanya menimbangkan kepentingan komersialnya semata-mata;

"pemegang lesen" ertinya seseorang yang dilesenkan di bawah Akta ini;

"pemegang permit" ertinya seseorang yang memegang suatu permit di bawah Akta ini;

"Pengerusi Eksekutif" ertinya Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya yang dilantik di bawah seksyen 5;

"pengguna" ertinya seseorang yang memperoleh atau menggunakan apa-apa perkhidmatan penerbangan untuk kegunaan peribadi dan tidak memperoleh atau menggunakan perkhidmatan itu terutamanya bagi maksud membekalkan semula perkhidmatan itu atau memberikan apa-apa perkhidmatan penerbangan;

"perjalanan berjadual" ertinya satu daripada siri perjalanan yang dilakukan di antara dua tempat yang sama dan yang kesemuanya menjadi suatu perkhidmatan yang sistematik;

"perjalanan tidak berjadual" ertinya suatu perjalanan yang bukan perjalanan berjadual;

"perkhidmatan penerbangan" ertinya mana-mana daripada perkhidmatan yang berikut:

*(a)* membawa penumpang, mel atau kargo untuk sewa atau upah melalui udara atau dengan menggunakan mana-mana pesawat udara di antara dua tempat atau lebih, yang sekurang-kurangnya satu tempat itu berada di Malaysia;

*(b)* pengadaan mana-mana perkhidmatan pengendalian darat sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua di Malaysia;

*(c)* pengendalian sesuatu aerodrom di Malaysia bagi pelepasan dan pendaratan mana-mana pesawat udara yang terlibat dalam membawa penumpang, mel atau kargo bagi sewa atau upah; atau

*(d)* apa-apa perkhidmatan lain yang ditentukan sebagai perlu atau suai manfaat oleh Suruhanjaya bagi membawa penumpang, mel atau kargo yang disebut dalam perenggan *(a)*,

sama ada atau tidak perkhidmatan itu diadakan oleh pemegang lesen, pemegang permit atau selainnya;

"perkhidmatan pengangkutan udara" ertinya suatu perkhidmatan udara komersial yang dikendalikan bagi maksud mengangkut orang, barang peribadi, bagasi, barangan atau kargo dalam sesuatu pesawat udara di antara dua tempat;

"pesawat udara" ertinya suatu mesin yang boleh mendapatkan daya angkat di atmosfera daripada tindak balas udara, selain tindak balas udara terhadap permukaan bumi;

"sewa atau upah" ertinya apa-apa bayaran, balasan, ganjaran atau manfaat yang dicaj, diminta, diterima atau dikutip secara langsung atau secara tidak langsung oleh mana-mana orang bagi pengunaan sesuatu pesawat udara;

"Suruhanjaya" ertinya Suruhanjaya Penerbangan Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

"tarikh yang ditetapkan" ertinya tarikh Akta ini mula berkuat kuasa.

## BAHAGIAN II

## SURUHANJAYA

### Penubuhan Suruhanjaya

**3.** (1) Suatu pertubuhan perbadanan yang dikenali sebagai "Suruhanjaya Penerbangan Malaysia" atau "Malaysian Aviation Commission" ditubuhkan.

(2) Suruhanjaya hendaklah kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan.

(3) Suruhanjaya boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas nama perbadanannya.

(4) Tertakluk kepada dan bagi maksud Akta ini, Suruhanjaya boleh, atas apa-apa terma yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya—

*(a)* membuat kontrak;

*(b)* memperoleh, membeli, mengambil, memajak, memegang, menjual dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan tak alih atau apa-apa kepentingan mengenai harta itu yang terletak hak pada Suruhanjaya; dan

*(c)* memindahkan, menyerahhakkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadaijanjikan, mendemiskan, menyerahhakkan semula, memindahkan hakmilik atau dengan apa-apa cara lain melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai, apa-apa harta alih atau tak alih dan apa-apa kepentingan mengenai harta itu yang terletak hak pada Suruhanjaya.

**Meterai perbadanan**

**4.** (1) Suruhanjaya hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan yang hendaklah mengandungi suatu peranti yang diluluskan oleh Suruhanjaya dan meterai itu boleh dipecahkan, ditukar, diubah atau dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh Suruhanjaya, suatu cap yang mengandungi perkataan "Suruhanjaya Penerbangan Malaysia" atau "Malaysian Aviation Commission" bolehlah digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai perbadanan Suruhanjaya.

(3) Meterai perbadanan itu hendaklah disimpan dalam jagaan Pengerusi Eksekutif atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya, dan hendaklah ditentusahkan oleh Pengerusi Eksekutif atau oleh mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Pengerusi Eksekutif secara bertulis.

(4) Semua surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai perbadanan itu dan

ditentusahkan mengikut subseksyen (3) hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, disifatkan telah disempurnakan dengan sah.

(5) Apa-apa surat ikatan, dokumen dan surat cara yang lain yang, jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan, tidak dikehendaki supaya dimeteraikan boleh disempurnakan mengikut cara yang serupa oleh seorang anggota Suruhanjaya atau seorang pekerja Suruhanjaya yang diberi kuasa bagi maksud itu.

(6) Meterai perbadanan Suruhanjaya hendaklah diberikan pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

**Keanggotaan Suruhanjaya**

**5.** (1) Suruhanjaya hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

*(a)* Pengerusi Eksekutif yang hendaklah dilantik oleh Perdana Menteri;

*(b)* dua orang wakil Kerajaan Persekutuan yang terdiri daripada—

(i) Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan; dan

(ii) Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri; dan

*(c)* tidak kurang daripada empat tetapi tidak lebih daripada enam orang anggota lain yang hendaklah dilantik oleh Menteri selepas berunding dengan Perdana Menteri, dan yang, pada pendapat Menteri, mempunyai pengalaman atau menunjukkan keupayaan dan profesionalisme dalam perkara yang berhubungan dengan ekonomi, kewangan, penerbangan, perniagaan, pentadbiran, undang-undang atau apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan fungsi Suruhanjaya.

(2) Pengerusi Eksekutif hendaklah merupakan seorang yang, pada pendapat Perdana Menteri, mempunyai pengalaman, menunjukkan keupayaan dan profesionalisme dalam perkara yang berhubungan dengan ekonomi, kewangan, penerbangan, perniagaan atau pentadbiran yang berkaitan dengan fungsi Suruhanjaya.

(3) Tiada seorang pun boleh menjadi anggota Suruhanjaya jika dia—

*(a)* memegang jawatan atau pekerjaan dalam atau yang berhubungan dengan perkhidmatan penerbangan;

*(b)* terlibat dalam apa-apa perniagaan atau aktiviti lain yang dijalankan bagi maksud keuntungan dalam atau yang berhubungan dengan perkhidmatan penerbangan; atau

*(c)* terlibat atau menjadi terlibat dalam apa-apa aktiviti yang boleh menjejaskan kebebasannya dalam menunaikan kewajipannya.

(4) Tanpa menjejaskan subseksyen (3), mana-mana anggota Suruhanjaya, selain anggota yang dinyatakan dalam perenggan 5(1)*(b)*, tidak boleh, selama dia menjadi anggota Suruhanjaya, memegang apa-apa jawatan atau pekerjaan lain, sama ada yang dibayar saraan atau tidak, tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis Perdana Menteri.

**Anggota silih ganti**

**6.** (1) Perdana Menteri boleh, berhubung dengan setiap anggota yang dilantik di bawah perenggan 5(1)*(b)* melantik seseorang menjadi anggota silih ganti untuk menghadiri mesyuarat Suruhanjaya sebagai ganti anggota itu jika anggota itu tidak dapat hadir kerana apa-apa sebab.

(2) Seorang anggota silih ganti yang menghadiri mesyuarat Suruhanjaya hendaklah, bagi segala maksud, disifatkan sebagai seorang anggota Suruhanjaya.

(3) Seorang anggota silih ganti hendaklah, melainkan jika dia meletakkan jawatannya terlebih dahulu atau pelantikannya dibatalkan terlebih dahulu, terhenti menjadi anggota silih ganti apabila anggota yang berkenaan dengannya dia menjadi anggota silih ganti terhenti menjadi anggota Suruhanjaya.

**Tempoh jawatan**

**7.** Tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya, seseorang anggota Suruhanjaya, selain anggota yang dinyatakan dalam perenggan 5(1)*(b)*, hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatannya atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya dibatalkan terlebih dahulu, memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun dan layak untuk dilantik semula bagi tempoh maksimum dua penggal berturut-turut.

**Saraan dan elaun**

**8.** (1) Pengerusi Eksekutif hendaklah dibayar apa-apa saraan dan elaun yang ditentukan oleh Perdana Menteri.

(2) Semua anggota Suruhanjaya yang lain hendaklah dibayar elaun pada apa-apa kadar yang ditentukan oleh Perdana Menteri.

**Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan**

**9.** (1) Perdana Menteri boleh, pada bila-bila masa, membatalkan pelantikan Pengerusi Eksekutif.

(2) Menteri boleh, pada bila-bila masa, membatalkan pelantikan mana-mana anggota Suruhanjaya yang dinyatakan dalam perenggan 5(1)*(c)* selepas berunding dengan Perdana Menteri.

(3) Seseorang anggota Suruhanjaya, selain anggota yang dinyatakan dalam perenggan 5(1)*(b)*, boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatannya dengan memberikan notis secara bertulis kepada Perdana Menteri atau Menteri, mengikut mana-mana yang berkenaan.

**Pengosongan jawatan**

**10.** (1) Jawatan seseorang anggota Suruhanjaya hendaklah menjadi kosong—

*(a)* jika dia mati;

*(b)* jika telah dibuktikan terhadapnya, atau jika dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan—

(i) kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;

(ii) kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah atau di bawah seksyen 13; atau

(iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda) selama lebih daripada dua tahun;

*(c)* jika dia menjadi bankrap;

*(d)* jika dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk menunaikan kewajipannya;

*(e)* dalam hal Pengerusi Eksekutif, jika dia tidak menghadiri mesyuarat Suruhanjaya tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Perdana Menteri;

*(f)* dalam hal seorang anggota Suruhanjaya, selain Pengerusi Eksekutif dan anggota yang dinyatakan dalam perenggan 5(1)*(b),* jika dia tidak menghadiri mesyuarat Suruhanjaya tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi Eksekutif;

*(g)* jika peletakan jawatannya diterima oleh Perdana Menteri atau Menteri, mengikut mana-mana yang berkenaan; atau

*(h)* jika pelantikannya dibatalkan oleh Perdana Menteri atau Menteri, mengikut mana-mana yang berkenaan, menurut seksyen 9 atau oleh Perdana Menteri menurut seksyen 16.

**Kesan pemberhentian keanggotaan**

**11.** Jika mana-mana orang terhenti daripada menjadi anggota Suruhanjaya—

*(a)* seseorang lain hendaklah dilantik untuk mengambil tempatnya mengikut peruntukan yang terpakai; dan

*(b)* dia tidak boleh, dalam masa dua tahun dari pemberhentian keanggotaannya, membuat apa-apa kontrak perkhidmatan

atau menjalankan atau terlibat dalam apa-apa perniagaan atau aktiviti lain yang dijalankan bagi maksud keuntungan, dalam atau yang berhubungan dengan, perkhidmatan penerbangan.

**Jawatankuasa**

**12.** (1) Suruhanjaya boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk membantunya dalam melaksanakan fungsinya.

(2) Suruhanjaya boleh melantik mana-mana anggotanya untuk menjadi pengerusi sesuatu jawatankuasa.

(3) Suruhanjaya boleh melantik mana-mana orang untuk menjadi anggota mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1).

(4) Seseorang anggota jawatankuasa hendaklah memegang jawatan atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam surat pelantikannya dan layak untuk dilantik semula.

(5) Suruhanjaya boleh, pada bila-bila masa, membatalkan pelantikan mana-mana anggota sesuatu jawatankuasa.

(6) Seseorang anggota jawatankuasa boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatan dengan memberikan notis secara bertulis kepada pengerusi jawatankuasa dan Suruhanjaya.

(7) Sesuatu jawatankuasa hendaklah tertakluk kepada dan bertindak mengikut apa-apa arahan yang diberikan kepada jawatankuasa itu oleh Suruhanjaya.

(8) Suruhanjaya boleh pada bila-bila masa memberhentikan atau mengubah keanggotaan sesuatu jawatankuasa.

**Penzahiran kepentingan**

**13.** (1) Mana-mana anggota Suruhanjaya atau jawatankuasa yang mempunyai atau memperoleh suatu kepentingan langsung atau tidak langsung sama ada dengan sendiri, menerusi anggota keluarganya atau menerusi sekutunya berhubung dengan apa-

apa perkara yang sedang dibincangkan oleh Suruhanjaya atau jawatankuasa hendaklah menzahirkan kepada Suruhanjaya, atau jawatankuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan, hakikat kepentingannya dan jenis dan takat kepentingan itu.

(2) Penzahiran di bawah subseksyen (1) hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat Suruhanjaya atau jawatankuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dalamnya perkara itu dibincangkan dan, selepas penzahiran itu, anggota itu—

*(a)* tidak boleh hadir atau mengambil bahagian dalam mana-mana perbincangan atau keputusan Suruhanjaya atau jawatankuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengenai perkara itu; dan

*(b)* tidak boleh dikira bagi maksud membentuk kuorum Suruhanjaya atau jawatankuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan,

apabila perkara itu dibincangkan atau diputuskan.

(3) Seseorang anggota Suruhanjaya atau jawatankuasa yang tidak menzahirkan kepentingannya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(4) Tiada tindakan atau prosiding Suruhanjaya atau jawatankuasa boleh ditidaksahkan atas alasan bahawa mana-mana anggota Suruhanjaya atau jawatankuasa telah melanggar seksyen ini.

(5) Bagi maksud seksyen ini—

"anggota keluarganya", berhubung dengan seseorang anggota Suruhanjaya atau jawatankuasa, termasuk—

*(a)* suami atau isterinya;

*(b)* ibu atau bapanya termasuklah ibu atau bapa suami atau isterinya;

*(c)* anaknya termasuklah anak angkatnya atau anak tirinya;

*(d)* adik-beradiknya termasuklah adik-beradik suami atau isterinya; dan

*(e)* suami atau isteri anaknya, atau adik-beradiknya; dan

"sekutu", berhubung dengan seseorang anggota Suruhanjaya atau jawatankuasa, ertinya—

*(a)* orang yang merupakan penama atau pekerja anggota itu;

*(b)* firma yang anggota itu atau mana-mana penamanya merupakan seorang pekongsinya;

*(c)* pekongsi anggota itu;

*(d)* pemegang amanah sesuatu amanah yang di bawahnya anggota atau seorang anggota keluarganya merupakan seorang benefisiari; atau

*(e)* mana-mana perbadanan mengikut pengertian Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*], yang anggota itu atau mana-mana penamanya atau seseorang anggota keluarganya ialah seorang pengarah atau mempunyai pemegangan syer yang substansial dalam perbadanan itu.

**Jadual Pertama**

**14.** Peruntukan Jadual Pertama hendaklah terpakai bagi anggota Suruhanjaya dan anggota jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen 12.

**Kod kelakuan**

**15.** (1) Suruhanjaya hendaklah menetapkan kod kelakuan yang hendak dipatuhi oleh anggota Suruhanjaya dan anggota jawatankuasa setakat dan mengikut apa-apa cara yang difikirkannya sesuai.

(2) Anggota Suruhanjaya dan anggota jawatankuasa hendaklah mematuhi peruntukan yang ditetapkan dalam kod kelakuan.

(3) Jika Suruhanjaya mendapat tahu bahawa terdapat pelanggaran kod kelakuan yang dikatakan, perkara itu hendaklah dirujuk kepada Panel Tatatertib.

**Panel Tatatertib dan prosiding tatatertib**

**16.** (1) Selepas menerima perkara di bawah subseksyen 15(3), Panel Tatatertib hendaklah—

*(a)* memberitahu anggota Suruhanjaya atau jawatankuasa secara bertulis mengenai perbuatan pelanggaran kod kelakuan yang dikatakan itu; dan

*(b)* memberikan anggota Suruhanjaya atau jawatankuasa itu suatu peluang untuk membuat representasi bertulis dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh dia diberitahu mengenai pelanggaran kod kelakuan yang dikatakan itu.

(2) Panel Tatatertib hendaklah terdiri daripada orang yang berikut:

*(a)* dalam hal prosiding tatatertib terhadap mana-mana anggota Suruhanjaya, tiga orang hendaklah dilantik oleh Perdana Menteri; atau

*(b)* dalam hal prosiding tatatertib terhadap mana-mana anggota jawatankuasa, tiga orang hendaklah dilantik oleh Pengerusi Eksekutif.

(3) Pelantikan anggota Panel Tatatertib hendaklah secara *ad hoc*.

(4) Jika, selepas menimbangkan representasi anggota Suruhanjaya atau jawatankuasa itu, jika ada, Panel Tatatertib mendapati bahawa—

*(a)* tiada merit dalam perkara itu, Panel Tatatertib hendaklah menggugurkan perkara itu dan memberitahu Suruhanjaya dan anggota Suruhanjaya atau jawatankuasa itu mengenai keputusannya; atau

*(b)* terdapat merit dalam perkara itu, mengundang anggota Suruhanjaya atau jawatankuasa itu untuk hadir di hadapan Panel Tatatertib untuk didengari.

(5) Jika, selepas pertimbangan sewajarnya mengenai representasi yang dibuat oleh anggota Suruhanjaya atau jawatankuasa yang hadir di hadapan Panel Tatatertib menurut perenggan (4)*(b)*, Panel Tatatertib berpuas hati bahawa—

*(a)* pelanggaran itu terbukti, Panel Tatatertib boleh mengesyorkan kepada Perdana Menteri atau Suruhanjaya, mengikut

mana-mana yang berkenaan, bahawa anggota Suruhanjaya atau jawatankuasa itu hendaklah dipecat daripada menjadi anggota; atau

*(b)* pelanggaran itu tidak terbukti, Panel Tatatertib hendaklah menggugurkan perkara itu.

(6) Selepas menerima syor Panel Tatatertib di bawah perenggan (5)*(a)*, Perdana Menteri atau Suruhanjaya, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah membatalkan pelantikan anggota Suruhanjaya atau jawatankuasa dan mengenakan penalti kewangan sebanyak tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima ratus ribu ringgit.

## BAHAGIAN III

## FUNGSI DAN KUASA SURUHANJAYA DAN PENGERUSI EKSEKUTIF

### Fungsi Suruhanjaya

**17.** (1) Suruhanjaya hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

*(a)* untuk mengawal selia perkara ekonomi yang berhubungan dengan industri penerbangan awam termasuklah–

(i) untuk memperbaiki perhubungan, di peringkat global dan tempatan, supaya dapat menggalakkan pertalian ekonomi, integrasi dan pertumbuhan, dan perdagangan, pelaburan dan pelancongan;

(ii) untuk menggalakkan persaingan yang berkesan dalam industri penerbangan awam dengan menggalakkan suatu persekitaran ekonomi yang membenarkan syarikat penerbangan Malaysia mengekalkan keupayaan mereka untuk bersaing dengan berkesan dalam pasaran penerbangan awam melalui cara yang menguntungkan, cekap dan adil yang mampan;

(iii) untuk menggalakkan pengendalian aerodrom dan perkhidmatan pengendalian darat yang cekap, ekonomi dan menguntungkan;

(iv) untuk menggalakkan pelaburan yang tepat pada waktunya dalam industri penerbangan awam bagi memenuhi permintaan dan keperluan pembangunan Malaysia yang semakin berkembang; dan

(v) untuk memaksimumkan nilai ekonomi mana-mana bantuan kewangan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada industri penerbangan awam dan untuk mendapatkan dan menggalakkan cara untuk mengurangkan apa-apa bantuan kewangan sedemikian mengikut masa;

*(b)* untuk memperuntukkan suatu mekanisme bagi perlindungan pengguna termasuklah—

(i) untuk menggalakkan suatu persekitaran yang membenarkan pengguna berhubung dengan industri penerbangan awam mendapat akses dengan cara yang telus kepada pilihan produk dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi dan pada harga yang berpatutan;

(ii) untuk menerima dan menyebarkan maklumat dan pandangan mengenai perkara yang menjadi kepentingan kepada pengguna atau perkhidmatan yang diberikan oleh pemegang lesen dan pemegang permit;

(iii) untuk berunding dengan industri, kerajaan dan kumpulan pengguna lain mengenai perkara yang menjadi kepentingan kepada pengguna; dan

(iv) untuk memperuntukkan suatu mekanisme bagi penyelesaian aduan pengguna;

*(c)* untuk memperuntukkan suatu mekanisme bagi penyelesaian pertikaian antara penyedia perkhidmatan penerbangan;

*(d)* untuk mentadbir, menguntukkan dan menguruskan hak trafik udara;

*(e)* untuk memantau penguntukan slot bagi syarikat penerbangan atau pengendali pesawat udara lain;

*(f)* untuk mentadbir dan menguruskan obligasi perkhidmatan awam;

*(g)* untuk memudahkan dan menyelaras perkara yang menjadi kepentingan kepada industri penerbangan awam Malaysia antara penyedia perkhidmatan penerbangan dengan agensi kerajaan, di peringkat tempatan dan antarabangsa; dan

*(h)* untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain yang bersampingan atau berbangkit daripada mana-mana fungsinya di bawah Akta ini.

(2) Tertakluk kepada Akta ini, Suruhanjaya hendaklah bebas dalam melaksanakan fungsinya.

(3) Suruhanjaya dalam melaksanakan fungsinya hendaklah mengambil kira apa-apa perjanjian antarabangsa yang Malaysia merupakan suatu pihak kepadanya dan hendaklah tidak bertindak berlawanan dengan obligasi antarabangsa atau kepentingan Malaysia.

**Kuasa Suruhanjaya**

**18.** (1) Suruhanjaya hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan segala benda yang perlu atau suai manfaat bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), kuasa Suruhanjaya hendaklah termasuk kuasa—

*(a)* untuk menjalankan segala aktiviti yang didapati Suruhanjaya perlu, berfaedah atau mudah bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya;

*(b)* untuk bekerjasama atau bertindak bersama-sama dengan mana-mana agensi kerajaan, mana-mana syarikat atau perbadanan, atau mana-mana badan atau orang, sama ada tempatan atau asing;

*(c)* untuk menghendaki pemberian maklumat oleh pihak berkepentingan dalam industri penerbangan awam bagi membantu Suruhanjaya dalam pelaksanaan fungsinya;

*(d)* untuk menggunakan segala harta Suruhanjaya, alih dan tak alih, mengikut apa-apa cara yang difikirkan suai manfaat oleh Suruhanjaya termasuklah pemerdapatan pinjaman dengan menggadaijanjikan harta itu;

*(e)* untuk melantik mana-mana ejen, pakar atau perunding yang Suruhanjaya fikirkan patut bagi maksud pelaksanaan fungsinya;

*(f)* untuk mengenakan fi, kos, atau apa-apa caj lain yang Suruhanjaya fikirkan patut bagi perkhidmatan yang diberikan oleh Suruhanjaya;

*(g)* untuk merumuskan dan melaksanakan pembangunan sumber manusia dan pembiayaan dan program kerjasama bagi pelaksanaan fungsinya secara patut dan berkesan;

*(h)* untuk memberikan pinjaman dan biasiswa kepada pekerja Suruhanjaya bagi apa-apa maksud yang diluluskan oleh Menteri;

*(i)* untuk menyiarkan dan menyebarkan maklumat mengenai perkara yang berkaitan dengan fungsi Suruhanjaya; dan

*(j)* untuk melakukan apa-apa benda yang bersampingan dengan mana-mana fungsinya dan kuasanya.

**Suruhanjaya hendaklah berunding dengan Ketua Pengarah Penerbangan Awam**

**19.** Suruhanjaya hendaklah berunding dengan Ketua Pengarah Penerbangan Awam mengenai, atau berhubungan dengan, apa-apa isu teknikal, perihal selamat dan keselamatan atau isu lain yang berkaitan.

**Pewakilan fungsi dan kuasa Suruhanjaya**

**20.** (1) Suruhanjaya boleh, secara bertulis, mewakilkan fungsi dan kuasanya yang berhubungan dengan perkara operasi sahaja kepada—

*(a)* seorang anggota Suruhanjaya; atau

*(b)* suatu jawatankuasa.

(2) Suruhanjaya boleh mewakilkan kepada seorang anggota Suruhanjaya atau suatu jawatankuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan, kuasa untuk membenarkan perbelanjaan daripada

Kumpulan Wang atau Kumpulan Wang Perkhidmatan Awam atau apa-apa wang lain yang terletak hak pada dan di bawah kawalan Suruhanjaya sehingga apa-apa takat yang dinyatakan oleh Suruhanjaya.

(3) Seseorang anggota Suruhanjaya atau sesuatu jawatankuasa yang diwakilkan dengan apa-apa fungsi atau kuasa di bawah subseksyen (1) atau (2) hendaklah terikat untuk mematuhi dan mengambil kira segala syarat dan sekatan yang dikenakan oleh Suruhanjaya dan segala kehendak, tatacara dan perkara yang dinyatakan oleh Suruhanjaya.

(4) Apa-apa fungsi atau kuasa yang diwakilkan di bawah seksyen ini hendaklah dilaksanakan dan dijalankan atas nama dan bagi pihak Suruhanjaya.

(5) Sesuatu pewakilan di bawah seksyen ini tidaklah menghalang Suruhanjaya sendiri daripada melaksanakan atau menjalankan pada bila-bila masa mana-mana fungsi atau kuasa yang diwakilkan.

**Fungsi Pengerusi Eksekutif**

**21.** (1) Pengerusi Eksekutif hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

*(a)* pentadbiran dan pengurusan keseluruhan fungsi dan hal-ehwal harian Suruhanjaya;

*(b)* pentadbiran dan pengurusan Kumpulan Wang;

*(c)* kawalan am ke atas pekerja Suruhanjaya;

*(d)* untuk menasihati dan memberikan syor daripada perspektif ekonomi kepada—

(i) Menteri mengenai dasar dan rancangan berkenaan dengan segala perkara yang berhubungan dengan penerbangan awam dan membangunkan strategi selaras dengan dasar dan rancangan sedemikian; dan

(ii) agensi kerajaan yang berkaitan mengenai segala perkara yang berhubungan dengan penerbangan awam;

*(e)* untuk memastikan bahawa syarikat penerbangan menjalankan program obligasi perkhidmatan awam; dan

*(f)* untuk menguruskan atau mengatur penjalanan penyelidikan, penilaian, kajian dan perkhidmatan penasihat, untuk mengumpul, menganalisis dan menyiarkan maklumat, statistik dan faktor yang mempengaruhi atau berkaitan dengan pembangunan ekonomi industri penerbangan awam, dan untuk menyebarkan apa-apa maklumat, statistik dan faktor yang berkaitan kepada agensi kerajaan, pemegang lesen, orang awam dan pelabur atau pelabur berpotensi yang berkaitan yang melabur dalam industri sedemikian.

(2) Dalam menjalankan fungsi di bawah perenggan (1)*(b)*, *(d)* dan *(e)*, Pengerusi Eksekutif hendaklah berunding dengan Suruhanjaya.

**Penjalanan sementara fungsi Pengerusi Eksekutif**

**22.** Perdana Menteri boleh melantik mana-mana anggota Suruhanjaya buat sementara waktu untuk bertindak sebagai Pengerusi Eksekutif selama tempoh—

*(a)* apabila jawatan Pengerusi Eksekutif kosong;

*(b)* apabila Pengerusi Eksekutif tidak hadir bertugas atau tidak ada di Malaysia; atau

*(c)* apabila Pengerusi Eksekutif, kerana apa-apa sebab lain, tidak dapat melaksanakan kewajipan jawatannya.

## Bahagian IV

## PEKERJA SURUHANJAYA

**Pelantikan pekerja Suruhanjaya**

**23.** Suruhanjaya boleh, dari semasa ke semasa, mengambil kerja apa-apa bilangan pekerja yang difikirkan sesuai dan perlu oleh Suruhanjaya dan atas apa-apa terma yang difikirkannya sesuai.

**Syarat perkhidmatan, kelakuan dan tatatertib**

**24.** (1) Suruhanjaya boleh menentukan syarat perkhidmatan pekerjanya.

(2) Suruhanjaya hendaklah mempunyai kuasa tatatertib ke atas semua pekerjanya dan hendaklah menjalankan kawalan tatatertib ke atas pekerjanya.

(3) Suruhanjaya boleh menetapkan apa-apa peraturan-peraturan untuk mengadakan peruntukan mengenai kelakuan dan tatatertib pekerjanya.

(4) Peraturan-peraturan yang ditetapkan di bawah seksyen ini termasuklah—

*(a)* peruntukan bagi penubuhan jawatankuasa tatatertib yang sesuai dan tatacara yang hendak dipatuhi;

*(b)* peruntukan bagi penubuhan suatu jawatankuasa rayuan tatatertib untuk mendengar rayuan daripada keputusan jawatankuasa tatatertib dan tatacara yang hendak dipatuhi; dan

*(c)* peruntukan bagi—

(i) penahanan kerja dengan pengurangan gaji atau saraan lain; atau

(ii) penggantungan kerja tanpa gaji atau saraan lain,

seseorang pekerja Suruhanjaya sementara menunggu prosiding tatatertib selesai.

(5) Peraturan-peraturan yang ditetapkan di bawah seksyen ini boleh mewujudkan apa-apa kesalahan tatatertib dan memperuntukkan apa-apa hukuman tatatertib yang difikirkan sesuai oleh Suruhanjaya, dan hukuman yang diperuntukkan sedemikian boleh meliputi pembuangan kerja dan penurunan pangkat.

(6) Peraturan-peraturan yang ditetapkan di bawah seksyen ini hendaklah, dalam menetapkan tatacara bagi prosiding tatatertib, memperuntukkan peluang kepada pekerja Suruhanjaya yang prosiding tatatertib telah diambil terhadapnya untuk membuat representasi sebelum sesuatu keputusan dicapai oleh jawatankuasa tatatertib mengenai apa-apa pertuduhan tatatertib yang dibuat terhadap orang itu.

BAHAGIAN V

KEWANGAN

**Kumpulan Wang Suruhanjaya Penerbangan**

**25.** (1) Suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai "Kumpulan Wang Suruhanjaya Penerbangan" yang hendaklah ditadbirkan dan dikawal oleh Suruhanjaya ditubuhkan.

(2) Kumpulan Wang hendaklah terdiri daripada—

*(a)* apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan oleh Parlimen bagi maksud Akta ini dari semasa ke semasa;

*(b)* semua atau mana-mana bahagian fi, kos, penalti kewangan dan caj lain yang dikenakan oleh atau yang kena dibayar kepada Suruhanjaya di bawah Akta ini dan perundangan subsidiarinya;

*(c)* semua wang yang berpunca daripada pendapatan daripada pelaburan modal terjamin oleh Suruhanjaya;

*(d)* semua wang yang berpunca daripada penjualan, pelupusan, pemajakan atau penyewaan, atau apa-apa urus niaga lain mengenai, apa-apa harta, gadai janji, gadaian atau debentur yang terletak hak pada atau diperoleh oleh Suruhanjaya;

*(e)* jumlah wang yang dipinjam oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 30;

*(f)* apa-apa jumlah wang yang dibayar kepada Suruhanjaya dari semasa ke semasa bagi pinjaman yang dibuat oleh Suruhanjaya; dan

*(g)* semua wang lain yang diterima secara sah oleh Suruhanjaya, selain bagi maksud membiayai obligasi perkhidmatan awam.

(3) Semua wang yang disebut dalam perenggan (2)*(a)* yang melebihi kehendak kewangan Suruhanjaya bagi pelaksanaan fungsinya boleh dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

**Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang**

**26.** Kumpulan Wang hendaklah dibelanjakan bagi maksud—

*(a)* membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan secara sah oleh Suruhanjaya kecuali perbelanjaan yang hendak dibayar daripada Kumpulan Wang Perkhidmatan Awam di bawah seksyen 27;

*(b)* membayar saraan, elaun dan belanja lain anggota Suruhanjaya, anggota jawatankuasa dan pekerja Suruhanjaya;

*(c)* membayar apa-apa belanja, kos atau perbelanjaan lain berhubung dengan pemerolehan barangan dan perkhidmatan, termasuklah pengambilan khidmat perunding, fi dan kos guaman dan fi dan kos lain yang dilakukan atau diterima dengan sepatutnya oleh Suruhanjaya dalam pelaksanaan fungsinya atau penjalanan kuasanya di bawah Akta ini, tetapi tidak termasuk perbelanjaan yang hendak dibayar daripada Kumpulan Wang Perkhidmatan Awam di bawah seksyen 27;

*(d)* memperoleh tanah dan aset lain, dan mendirikan bangunan, dan menjalankan apa-apa pengusahaan lain dalam pelaksanaan fungsinya atau penjalanan kuasanya di bawah Akta ini;

*(e)* membayar balik apa-apa wang yang dipinjam di bawah seksyen 30 dan bunga yang kena dibayar atas wang yang dipinjam itu; dan

*(f)* secara amnya membayar apa-apa belanja bagi melaksanakan peruntukan Akta ini.

**Kumpulan Wang Perkhidmatan Awam**

**27.** (1) Suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai "Kumpulan Wang Perkhidmatan Awam" yang hendaklah ditadbirkan dan dikawal oleh Suruhanjaya ditubuhkan.

(2) Kumpulan Wang Perkhidmatan Awam hendaklah terdiri daripada—

*(a)* apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan oleh Parlimen bagi maksud membiayai obligasi perkhidmatan awam; dan

*(b)* semua wang lain yang diterima secara sah oleh Suruhanjaya bagi maksud membiayai obligasi perkhidmatan awam.

(3) Kumpulan Wang Perkhidmatan Awam hendaklah dibelanjakan bagi maksud membayar mana-mana syarikat penerbangan yang melaksanakan obligasi perkhidmatan awam dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan secara sah dan secara langsung oleh Suruhanjaya dalam pentadbiran dan pengurusan obligasi perkhidmatan awam.

**Pemeliharaan Kumpulan Wang**

**28.** Menjadi kewajipan Suruhanjaya untuk memelihara Kumpulan Wang dengan melaksanakan fungsinya dan menjalankan kuasa di bawah Akta ini dengan sedemikian cara supaya dapat dipastikan bahawa jumlah hasil Suruhanjaya mencukupi untuk membayar semua jumlah wang yang boleh dipertanggungkan dengan sepatutnya pada akaun hasilnya, termasuk susut nilai dan bunga atas modal, dari setahun ke setahun.

**Akaun bank**

**29.** Suruhanjaya hendaklah membuka dan menyenggarakan akaun atau akaun-akaun dengan mana-mana bank di Malaysia sebagaimana yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya, dan tiap-tiap akaun hendaklah dikendalikan mengikut apa-apa cara yang dibenarkan oleh Suruhanjaya bagi maksud itu dari semasa ke semasa.

**Kuasa untuk meminjam**

**30.** Suruhanjaya boleh, dari semasa ke semasa, meminjam mengikut apa-apa bentuk dan atas apa-apa terma sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri, dengan persetujuan Menteri Kewangan, apa-apa wang yang dikehendaki oleh Suruhanjaya bagi memenuhi mana-mana obligasinya atau bagi menunaikan mana-mana fungsinya atau kuasanya di bawah Akta ini.

**Pelaburan**

**31.** Wang dalam Kumpulan Wang, setakat wang itu tidak diperlukan untuk dibelanjakan oleh Suruhanjaya di bawah Akta ini, boleh diletakkan dalam mana-mana pelaburan modal terjamin sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri, dengan persetujuan Menteri Kewangan.

**Tatacara kewangan**

**32.** Tertakluk kepada Akta ini, Suruhanjaya hendaklah menentukan tatacara kewangannya sendiri.

**Tahun kewangan**

**33.** Tahun kewangan Suruhanjaya hendaklah bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

**Akaun dan laporan**

**34.** (1) Suruhanjaya hendaklah menyebabkan akaun yang sepatutnya bagi Kumpulan Wang dan Kumpulan Wang Perkhidmatan Awam dan laporan aktivitinya disimpan dan hendaklah, dengan secepat yang dapat dilaksanakan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, menyebabkan supaya disediakan bagi tahun kewangan itu—

*(a)* suatu penyata akaun Suruhanjaya yang hendaklah mengandungi kunci kira-kira dan akaun pendapatan dan perbelanjaan; dan

*(b)* suatu laporan aktivitinya.

(2) Suruhanjaya hendaklah, seberapa segera yang mungkin, menghantar suatu salinan penyata akaun yang diperakui oleh juruaudit, suatu salinan laporan juruaudit dan suatu salinan laporan akitivitinya kepada Menteri dan Menteri hendaklah menyebabkan penyata dan laporan itu dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen.

(3) Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [*Akta 240*] hendaklah terpakai bagi Suruhanjaya.

Bahagian VI

PELESENAN DAN CAJ

**Lesen perkhidmatan udara**

**35.** (1) Tiada seorang pun boleh mengusahakan untuk membawa melalui udara atau menggunakan apa-apa pesawat udara bagi membawa penumpang, mel atau kargo untuk sewa atau upah dalam perjalanan berjadual di antara dua tempat atau lebih yang sekurang-kurangnya satu daripada tempat itu berada di Malaysia kecuali di bawah dan mengikut lesen perkhidmatan udara yang diberikan oleh Suruhanjaya.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi orang yang dibenarkan untuk mengendalikan perjalanan berjadual ke atau dari suatu tempat di Malaysia mengikut terma-terma mana-mana perjanjian atau perkiraan yang dibuat oleh Kerajaan.

(3) Mana-mana orang yang mengusahakan untuk membawa melalui udara atau menggunakan apa-apa pesawat udara bagi membawa penumpang, mel atau kargo untuk sewa atau upah yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya; dan dalam hal kesalahan yang berterusan, pesalah itu, sebagai tambahan kepada penalti yang diperuntukkan dalam subseksyen ini, boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit bagi tiap-tiap hari semasa kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Permit perkhidmatan udara**

**36.** (1) Tiada seorang pun boleh mengusahakan untuk membawa melalui udara atau menggunakan mana-mana pesawat udara bagi membawa penumpang, mel atau kargo untuk sewa atau upah dalam perjalanan tidak berjadual di antara dua tempat atau lebih yang sekurang-kurangnya satu daripada tempat itu berada di Malaysia kecuali di bawah dan mengikut suatu permit perkhidmatan udara yang diberikan oleh Suruhanjaya.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi orang yang dibenarkan untuk mengendalikan perjalanan tidak berjadual ke atau dari suatu tempat di Malaysia mengikut terma-terma mana-mana perjanjian atau perkiraan yang dibuat oleh Kerajaan.

(3) Mana-mana orang yang mengusahakan untuk membawa melalui udara atau menggunakan mana-mana pesawat udara bagi membawa penumpang, mel atau kargo yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit; dan dalam hal kesalahan yang berterusan, pesalah itu, sebagai tambahan kepada penalti yang diperuntukkan dalam subseksyen ini, boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit bagi tiap-tiap hari semasa kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Lesen pengendalian darat**

**37**. (1) Tiada seorang pun boleh mengusahakan apa-apa perkhidmatan pengendalian darat di Malaysia sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua kecuali di bawah dan mengikut lesen yang diberikan oleh Suruhanjaya.

(2) Tiada seorang pun boleh mengambil khidmat mana-mana pengendali pengendalian darat melainkan jika pengendali itu dilesenkan di bawah Akta ini.

(3) Mana-mana orang yang tidak mematuhi seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya; dan dalam hal kesalahan yang berterusan, pesalah itu, sebagai tambahan kepada penalti yang diperuntukkan dalam subseksyen ini, boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit bagi tiap-tiap hari semasa kesalahan itu berlaku selepas sabitan.

**Lesen pengendali aerodrom**

**38.** (1) Tiada seorang pun boleh mengendalikan suatu aerodrom di Malaysia untuk pelepasan dan pendaratan mana-mana pesawat udara yang terlibat dalam pembawaan penumpang, mel atau kargo untuk sewa atau upah kecuali di bawah dan mengikut lesen yang diberikan oleh Suruhanjaya.

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit; dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, pesalah itu, sebagai tambahan kepada penalti yang diperuntukkan dalam subseksyen ini, boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit bagi tiap-tiap hari semasa kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Permohonan bagi lesen atau permit**

**39.** (1) Seseorang pemohon bagi suatu lesen atau permit di bawah Akta ini hendaklah mengemukakan permohonan mengikut bentuk dan cara berserta dengan apa-apa dokumen dan maklumat yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(2) Permohonan itu hendaklah disertakan dengan apa-apa fi yang ditetapkan oleh Suruhanjaya.

(3) Selepas menerima permohonan, dokumen, maklumat dan fi itu, Suruhanjaya hendaklah menimbangkan permohonan itu dengan mengambil kira apa-apa kehendak yang ditetapkan.

(4) Jika Suruhanjaya tidak berpuas hati bahawa pemohon itu telah memenuhi kehendak itu, Suruhanjaya hendaklah memberikan pemohon peluang untuk meminda, membetulkan atau menambah permohonannya dalam masa yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(5) Kegagalan pemohon untuk meminda, membetulkan atau menambah permohonannya di bawah subseksyen (4) sehingga memuaskan hati Suruhanjaya hendaklah menyebabkan permohonan itu disifatkan sebagai telah ditarik balik.

(6) Jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa pemohon telah memenuhi kehendak itu, Suruhanjaya boleh mengeluarkan apa-apa lesen atau permit, tertakluk kepada bayaran fi yang ditetapkan.

**Kuasa untuk mengenakan syarat**

**40.** (1) Tertakluk kepada Akta ini, Suruhanjaya boleh mengenakan atas sesuatu lesen atau permit yang dikeluarkan di bawah Bahagian ini apa-apa syarat yang difikirkannya patut, dan khususnya, apa-apa syarat yang difikirkan wajar oleh Suruhanjaya demi

kepentingan awam, demi kepentingan perihal selamat, keselamatan, dan kemudahan, atau untuk menghalang persaingan yang tidak menguntungkan.

(2) Suruhanjaya boleh, pada bila-bila masa menurut budi bicaranya, menambah, membatalkan atau mengubah mana-mana syarat yang dikenakan pada suatu lesen atau permit di bawah seksyen ini.

(3) Seseorang pemegang lesen atau pemegang permit yang tidak mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan pada lesennya atau permitnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

**Tempoh lesen atau permit**

**41.** Suatu lesen atau permit yang diberikan atau dikeluarkan di bawah Bahagian ini hendaklah sah bagi apa-apa tempoh yang ditetapkan oleh Suruhanjaya.

**Pembaharuan lesen atau permit**

**42.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan (3), Suruhanjaya boleh, atas suatu permohonan oleh pemegang lesen atau pemegang permit, membaharui lesen atau permit orang itu atas apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya atau menolak permohonan itu.

(2) Suatu permohonan bagi pembaharuan lesen atau permit di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat sekurang-kurangnya sembilan puluh hari sebelum tarikh tamat lesen atau permit yang sedia ada, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan hendaklah disertakan dengan fi pembaharuan yang ditetapkan.

(3) Jika pemohon tidak mematuhi subseksyen (2) dan tidak memberikan apa-apa sebab yang difikirkan munasabah oleh Suruhanjaya, Suruhanjaya boleh menolak untuk meneruskan dengan, mendengar atau menentukan permohonan itu.

(4) Jika tiada permohonan bagi pembaharuan semula sesuatu lesen atau permit dikemukakan, pemegang lesen atau permit hendaklah dalam masa empat belas hari dari tarikh tamat lesen atau permit itu, mengembalikan lesen atau permit itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada Suruhanjaya.

**Penggantungan atau pembatalan lesen atau permit**

**43.** (1) Suruhanjaya boleh, melalui notis bertulis kepada pemegang lesen atau pemegang permit dan tanpa apa-apa pampasan, membatalkan atau menggantung lesen atau permit yang diberikan atau dikeluarkan di bawah Bahagian ini—

*(a)* jika mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana syarat lesen atau permit tidak dipatuhi;

*(b)* jika pengeluaran lesen atau permit telah didorong oleh representasi palsu tentang fakta oleh atau bagi pihak pemohon, pemegang lesen atau pemegang permit;

*(c)* sekiranya berlaku kematian, ketidakupayaan, kebankrapan atau, dalam hal suatu syarikat, penyelesaian, pemegang lesen atau pemegang permit atau, jika seorang penerima atau pengurus dilantik berhubung dengan perniagaan pemegang lesen atau pemegang permit; atau

*(d)* jika ia berpuas hati bahawa lesen atau permit yang diberikan atau dikeluarkan di bawah Bahagian ini telah atau diniatkan untuk digunakan bagi suatu maksud yang menyalahi undang-undang atau maksud asal yang baginya lesen atau permit itu diberikan atau dikeluarkan tidak lagi wujud.

(2) Suruhanjaya tidak boleh membatalkan atau menggantung sesuatu lesen atau permit melainkan jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa, selepas memberikan pemegang lesen atau pemegang permit itu suatu peluang untuk membuat apa-apa representasi secara bertulis yang dia berhasrat untuk buat, lesen atau permit itu hendaklah dibatalkan atau digantung.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), sekiranya pemegang lesen perkhidmatan udara atau pemegang permit perkhidmatan udara terhenti daripada memegang suatu perakuan pengendali udara yang

sah, lesen perkhidmatan udara atau permit perkhidmatan udara yang dikeluarkan di bawah Bahagian ini hendaklah disifatkan telah dibatalkan berkuat kuasa mulai tarikh pemegang lesen perkhidmatan udara atau pemegang permit perkhidmatan udara terhenti memegang perakuan pengendali udara.

(4) Menjadi kewajipan setiap pemegang lesen perkhidmatan udara atau pemegang permit perkhidmatan udara untuk memaklumkan Suruhanjaya, tidak lewat daripada dua hari selepas berlakunya kejadian yang dinyatakan dalam subseksyen (3), mengenai berlakunya kejadian itu dan tarikh kuat kuasa kejadian itu, dan menyerahkan balik lesen perkhidmatan udara atau permit perkhidmatan udara yang dikeluarkan di bawah Bahagian ini kepada Suruhanjaya mengikut subseksyen (5).

(5) Jika suatu lesen atau permit—

*(a)* telah dibatalkan, lesen atau permit itu tidak mempunyai kuat kuasa dari tarikh pembatalan dan pemegang lesen atau pemegang permit hendaklah dalam masa empat belas hari dari tarikh pembatalan lesen atau permit itu mengembalikan lesen atau permit itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada Suruhanjaya; atau

*(b)* telah digantung, lesen atau permit itu tidak mempunyai kuat kuasa semasa tempoh penggantungan.

**Penyerahan balik lesen atau permit**

**44.** (1) Seseorang pemegang lesen atau pemegang permit boleh menyerahkan balik lesennya atau permitnya dengan mengemukakan kepada Suruhanjaya suatu notis bertulis mengenai penyerahan balik lesen atau permit itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak kurang daripada enam bulan sebelum tarikh penyerahan balik yang dicadangkan.

(2) Penyerahan balik lesen atau permit hendaklah berkuat kuasa enam bulan dari tarikh Suruhanjaya menerima notis di bawah subseksyen (1) atau pada apa-apa tarikh lain yang dinyatakan oleh Suruhanjaya.

(3) Penyerahan balik sesuatu lesen atau permit di bawah subseksyen (1) tidak boleh ditarik balik melainkan jika Suruhanjaya melalui notis secara bertulis kepada pemegang lesen atau pemegang permit membenarkan penyerahan balik itu ditarik balik sebelum tarikh kuat kuasa penyerahan balik lesen atau permit itu.

(4) Pemegang lesen atau pemegang permit hendaklah—

*(a)* mengambil segala langkah dan memberikan segala bantuan yang dikehendaki oleh Suruhanjaya menurut penyerahan balik lesen atau permit itu; dan

*(b)* mengemukakan lesen atau permit itu kepada Suruhanjaya pada tarikh kuat kuasa penyerahan balik lesen atau permit itu.

**Pemindahmilikan atau penyerahhakan lesen atau permit**

**45.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (3), suatu lesen atau permit yang dikeluarkan di bawah Bahagian ini adalah khas untuk pemegang lesen atau pemegang permit dan tidak boleh dipindahmilikkan atau diserahhakkan.

(2) Seseorang pemegang lesen atau pemegang permit yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(3) Walau apa pun perenggan 43(1)*(c)*, Suruhanjaya boleh, sekiranya terdapat penyelesaian seseorang pemegang lesen atau pemegang permit, jika penerima atau pengurus dilantik berhubung dengan perniagaan pemegang lesen atau pemegang permit itu, atau jika atas apa-apa sebab Suruhanjaya berpuas hati bahawa adalah tidak adil untuk tidak berbuat demikian, membenarkan pemindahmilikan lesen atau permit itu.

**Kuasa untuk menetapkan caj**

**46.** (1) Suruhanjaya hendaklah mengawal selia caj bagi perkhidmatan penerbangan.

(2) Dalam menjalankan fungsinya di bawah subseksyen (1), Suruhanjaya hendaklah mempunyai kuasa untuk—

*(a)* menetapkan caj, termasuk caj maksimum, atau mewujudkan kaedah bagi penentuan apa-apa caj bagi perkhidmatan penerbangan;

*(b)* menjalankan kajian semula bagi caj perkhidmatan penumpang, fi pendaratan dan fi parkir, caj pengendalian darat pihak ketiga dan apa-apa caj lain bagi perkhidmatan penerbangan pada apa-apa lat tempoh yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya; dan

*(c)* berikutan apa-apa kajian semula itu, menyemak apa-apa caj yang telah ditetapkan atau kaedah yang diwujudkan di bawah perenggan *(a)* sebagaimana yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya.

(3) Bagi maksud perenggan (2)*(a)* dan *(c)*, Suruhanjaya hendaklah mengambil kira—

*(a)* kos membekalkan perkhidmatan penerbangan;

*(b)* keperluan untuk menggalakkan caj yang bersaing;

*(c)* apa-apa penanda aras yang berkaitan termasuklah penanda aras antarabangsa bagi harga, kos dan pulangan atas aset dalam industri yang setanding;

*(d)* implikasi kewangan yang mungkin berbangkit daripada penentuan Suruhanjaya;

*(e)* kepentingan pengguna dan pelabur;

*(f)* pulangan atas aset bagi pemegang lesen atau pemegang permit; dan

*(g)* apa-apa faktor lain yang difikirkan berkaitan oleh Suruhanjaya.

(4) Suruhanjaya hendaklah menyiarkan semua caj yang ditentukan oleh Suruhanjaya dalam *Warta*.

BAHAGIAN VII

PERSAINGAN

Penggal 1

*Tafsiran dan pemakaian*

**Tafsiran**

**47.** Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"amalan bersepadu" ertinya apa-apa bentuk penyelarasan antara perusahaan yang dengan diketahui menggantikan kerjasama amali antara mereka bagi risiko persaingan dan termasuklah apa-apa amalan yang melibatkan hubungan atau komunikasi secara langsung atau tidak langsung antara perusahaan, yang matlamatnya atau kesannya adalah sama ada—

*(a)* untuk mempengaruhi perlakuan satu perusahaan atau lebih dalam pasaran perkhidmatan penerbangan; atau

*(b)* untuk mendedahkan penjalanan perlakuan yang diputuskan untuk diambil oleh suatu perusahaan atau yang hendak diambil olehnya dalam pasaran perkhidmatan penerbangan, dalam hal keadaan yang pendedahan itu tidak akan dibuat di bawah keadaan biasa persaingan;

"kedudukan dominan" ertinya suatu keadaan yang dalamnya satu perusahaan atau lebih mempunyai kuasa yang signifikan dalam suatu pasaran perkhidmatan penerbangan untuk melaraskan harga atau output atau terma perdagangan, tanpa kekangan yang berkesan daripada pesaing atau pesaing berpotensi;

"pasaran perkhidmatan penerbangan" ertinya suatu pasaran bagi perkhidmatan penerbangan di Malaysia atau di mana-mana bahagian di Malaysia;

"perjanjian" ertinya apa-apa bentuk kontrak, perkiraan atau persefahaman, sama ada boleh dikuatkuasakan di sisi undang-undang atau tidak, antara perusahaan, dan termasuklah suatu perjanjian mendatar, perjanjian menegak, perkongsian kod syarikat penerbangan, perikatan, perkongsian atau usaha sama, suatu keputusan oleh suatu persatuan dan amalan bersepadu;

"perjanjian mendatar" ertinya suatu perjanjian antara perusahaan yang setiapnya beroperasi pada peringkat yang sama dalam rangkaian pengeluaran atau pengedaran;

"perjanjian menegak" ertinya suatu perjanjian antara perusahaan yang setiapnya beroperasi pada peringkat yang berlainan dalam rangkaian pengeluaran atau pengedaran; dan

"perusahaan" ertinya mana-mana individu, pertubuhan perbadanan, kumpulan orang yang tidak diperbadankan atau apa-apa entiti lain yang menjalankan aktiviti komersial yang berhubungan dengan perkhidmatan penerbangan, dan bagi maksud Akta ini, suatu syarikat induk dan subsidiari hendaklah disifatkan sebagai perusahaan tunggal jika, walaupun mempunyai entiti yang berasingan di sisi undang-undang, kedua-duanya membentuk suatu unit ekonomi tunggal yang dalamnya subsidiari-subsidiari itu tidak mempunyai autonomi sebenar dalam menentukan tindakan mereka dalam pasaran perkhidmatan penerbangan.

**Pemakaian Bahagian ini**

**48.** (1) Bahagian ini terpakai bagi apa-apa aktiviti komersial, perjanjian atau percantuman yang menyentuh perkhidmatan penerbangan, kedua-duanya di dalam dan, tertakluk kepada subseksyen (2), di luar Malaysia.

(2) Berhubung dengan pemakaian Bahagian ini di luar Malaysia, Bahagian ini terpakai bagi apa-apa aktiviti komersial, perjanjian atau percantuman yang dibuat atau dilaksanakan di luar Malaysia yang mempunyai kesan terhadap persaingan dalam apa-apa pasaran perkhidmatan penerbangan di Malaysia.

(3) Bahagian ini tidak terpakai bagi apa-apa aktiviti komersial, perjanjian atau percantuman yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(4) Bagi maksud Bahagian ini, "aktiviti komersial" ertinya apa-apa aktiviti yang bersifat komersial tetapi tidak termasuk—

*(a)* apa-apa aktiviti, secara langsung atau tidak langsung, dalam penjalanan kuasa kerajaan;

*(b)* apa-apa aktiviti yang dijalankan berasaskan pada prinsip perpaduan; dan

*(c)* apa-apa pembelian perkhidmatan penerbangan yang bukan bagi maksud untuk menawarkan perkhidmatan penerbangan sebagai sebahagian daripada suatu aktiviti ekonomi.

Penggal 2

*Perjanjian antipersaingan*

**Perjanjian yang dilarang**

**49.** (1) Suatu perjanjian antara perusahaan dilarang setakat yang perjanjian itu mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran perkhidmatan penerbangan.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), suatu perjanjian mendatar antara perusahaan yang mempunyai matlamat untuk—

*(a)* menetapkan, secara langsung atau tidak langsung, suatu harga belian atau jualan atau apa-apa syarat perdagangan yang lain;

*(b)* berkongsi pasaran perkhidmatan penerbangan atau punca bekalan;

*(c)* membataskan atau mengawal—

(i) pengeluaran;

(ii) saluran keluar pasaran atau capaian pasaran;

(iii) pembangunan teknikal atau teknologi; atau

(iv) pelaburan; atau

*(d)* melakukan suatu perbuatan tipuan bida,

berkaitan dengan perkhidmatan penerbangan, disifatkan mempunyai matlamat untuk menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran perkhidmatan penerbangan.

(3) Mana-mana perusahaan yang merupakan suatu pihak kepada suatu perjanjian yang dilarang di bawah seksyen ini adalah bertanggungan bagi pelanggaran larangan itu.

**Pelepasan liabiliti**

**50.** Walau apa pun seksyen 49, suatu perusahaan yang merupakan suatu pihak kepada suatu perjanjian boleh melepaskan liabilitinya bagi pelanggaran larangan di bawah seksyen 49 berasaskan pada sebab-sebab yang berikut:

*(a)* terdapat manfaat teknologi, kecekapan atau sosial yang boleh dikenal pasti secara signifikan yang berbangkit secara langsung daripada perjanjian itu;

*(b)* manfaat itu tidak dapat semunasabahnya diberikan oleh pihak-pihak kepada perjanjian itu tanpa perjanjian itu mempunyai kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan;

*(c)* kesan buruk perjanjian itu pada persaingan adalah bersekadar dengan manfaat yang diberikan; dan

*(d)* perjanjian itu tidak membenarkan perusahaan yang berkenaan untuk menghapuskan persaingan sama sekali berkenaan dengan sebahagian besar perkhidmatan penerbangan.

**Pengecualian individu**

**51.** (1) Suatu perusahaan boleh memohon kepada Suruhanjaya untuk suatu pengecualian berkenaan dengan suatu perjanjian tertentu bagi larangan di bawah seksyen 49.

(2) Suruhanjaya boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, memberikan pengecualian itu jika, pada pendapat Suruhanjaya, perjanjian itu ialah satu perjanjian yang baginya seksyen 50 terpakai.

(3) Suatu pengecualian yang diberikan di bawah seksyen ini disebut sebagai "pengecualian individu".

(4) Pengecualian individu yang diberikan oleh Suruhanjaya boleh—

*(a)* tertakluk kepada apa-apa syarat atau obligasi yang difikirkan sesuai untuk dikenakan oleh Suruhanjaya; dan

*(b)* bagi suatu tempoh terhad yang dinyatakan dalam perintah itu.

(5) Suatu pengecualian individu boleh memperuntukkan bahawa pengecualian itu akan berkuat kuasa dari suatu tarikh yang lebih awal daripada tarikh perintah itu dibuat.

(6) Jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa—

*(a)* terdapat suatu perubahan material pada hal keadaan dari masa apabila Suruhanjaya memberikan pengecualian individu itu; atau

*(b)* suatu obligasi telah dilanggar,

Suruhanjaya boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*—

(i) membatalkan pengecualian individu itu;

(ii) mengubah atau mengeluarkan apa-apa syarat atau obligasi; atau

(iii) mengenakan syarat atau obligasi tambahan.

(7) Jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa—

*(a)* maklumat yang berasaskannya Suruhanjaya membuat keputusan untuk memberikan suatu pengecualian individu itu adalah palsu atau mengelirukan dalam hal perkara material; atau

*(b)* apa-apa syarat telah dilanggar,

Suruhanjaya boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, membatalkan pengecualian individu itu.

(8) Apa-apa tindakan yang diambil oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (6) hendaklah berkuat kuasa dari tarikh perintah itu dibuat.

(9) Suatu pengecualian individu yang dibatalkan—

*(a)* menurut kuasa perenggan (7)*(a)* adalah terbatal *ab initio*; atau

*(b)* menurut kuasa perenggan (7)*(b)* hendaklah berkuat kuasa dari tarikh syarat itu dilanggar.

**Pengecualian blok**

**52.** (1) Jika perjanjian-perjanjian yang tergolong dalam suatu kategori perjanjian tertentu berkemungkinan, pada pendapat Suruhanjaya, merupakan perjanjian-perjanjian yang baginya seksyen 50 terpakai, Suruhanjaya boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, memberikan suatu pengecualian kepada kategori perjanjian tertentu itu.

(2) Suatu pengecualian yang diberikan di bawah seksyen ini disebut sebagai "pengecualian blok".

(3) Suatu perjanjian yang tergolong dalam suatu kategori yang dinyatakan dalam suatu pengecualian blok dikecualikan daripada larangan di bawah seksyen 49.

(4) Suruhanjaya dalam memberikan pengecualian blok boleh mengenakan apa-apa syarat atau obligasi yang tertakluk kepadanya suatu pengecualian blok itu berkuat kuasa.

(5) Suatu pengecualian blok boleh memperuntukkan bahawa—

*(a)* jika terdapat suatu pelanggaran syarat yang dikenakan oleh pengecualian blok itu, Suruhanjaya boleh, melalui notis secara bertulis, membatalkan pengecualian blok itu berkenaan dengan perjanjian itu dari tarikh pelanggaran itu;

*(b)* jika terdapat suatu kegagalan untuk mematuhi obligasi yang dikenakan oleh pengecualian blok itu, Suruhanjaya boleh, melalui notis secara bertulis, membatalkan pengecualian blok itu berkenaan dengan perjanjian itu;

*(c)* jika Suruhanjaya berpendapat bahawa suatu perjanjian tertentu bukanlah suatu perjanjian yang baginya seksyen 50 terpakai, Suruhanjaya boleh, melalui notis secara bertulis, membatalkan pengecualian blok itu berkenaan dengan perjanjian itu dari apa-apa tarikh yang dinyatakan oleh Suruhanjaya;

*(d)* pengecualian blok itu hendaklah terhenti berkuat kuasa pada penghujung tempoh yang dinyatakan dalam perintah itu; atau

*(e)* pengecualian blok itu hendaklah berkuat kuasa dari suatu tarikh yang lebih awal daripada tarikh perintah itu dibuat.

(6) Suruhanjaya hendaklah, sebelum memberikan suatu pengecualian blok—

*(a)* menyiarkan butir-butir pengecualian blok yang dicadangkan oleh Suruhanjaya itu;

*(b)* memberikan sekurang-kurangnya tiga puluh hari dari tarikh penyiaran untuk membenarkan apa-apa penghujahan dibuat oleh orang awam berhubung dengan pengecualian blok yang dicadangkan itu; dan

*(c)* memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada apa-apa penghujahan yang dibuat.

Penggal 3

*Penyalahgunaan kedudukan dominan*

**Penyalahgunaan kedudukan dominan dilarang**

**53.** (1) Suatu perusahaan dilarang untuk terlibat, sama ada secara sendirian atau kolektif, dalam apa-apa perlakuan yang berupa suatu penyalahgunaan kedudukan dominan dalam mana-mana pasaran perkhidmatan penerbangan.

(2) Suruhanjaya boleh menyiarkan garis panduan yang menyatakan jenis perlakuan yang akan atau tidak dilarang di bawah subseksyen (1).

(3) Seksyen ini tidak melarang suatu perusahaan yang berada dalam kedudukan dominan daripada mengambil apa-apa langkah yang mempunyai justifikasi komersial yang munasabah atau merupakan suatu respons komersial yang munasabah terhadap kemasukan ke dalam pasaran atau perlakuan pasaran seorang pesaing.

(4) Hakikat bahawa bahagian pasaran mana-mana perusahaan adalah mengatasi atau di bawah apa-apa peringkat tertentu tidak dengan sendirinya boleh dianggap sebagai konklusif tentang sama ada perusahaan itu berada, atau tidak berada, pada suatu kedudukan dominan dalam pasaran itu.

Penggal 4

*Percantuman*

**Percantuman**

**54.** (1) Percantuman yang telah mengakibatkan, atau dijangka akan mengakibatkan, pengurangan persaingan yang substansial dalam mana-mana pasaran perkhidmatan penerbangan dilarang.

(2) Bagi maksud Penggal ini, suatu percantuman berlaku jika—

*(a)* dua perusahaan atau lebih, yang sebelum ini adalah berasingan daripada satu sama lain, bercantum;

*(b)* seorang atau satu perusahaan atau lebih memperoleh kawalan secara langsung atau tidak langsung keseluruhan atau sebahagian daripada satu perusahaan atau lebih;

*(c)* akibat daripada pemerolehan oleh satu perusahaan (perusahaan pertama) ke atas aset (termasuk nama baik), atau suatu bahagian aset itu yang substansial, kepunyaan perusahaan lain (perusahaan kedua) adalah untuk meletakkan perusahaan pertama itu dalam kedudukan untuk menggantikan atau menggantikan sebahagian besar perusahaan kedua dalam perniagaan itu atau, sebagaimana sesuai, bahagian yang berkaitan bagi perniagaan itu yang dalamnya perusahaan itu terlibat sebaik sebelum pemerolehan itu; atau

*(d)* suatu usaha sama diwujudkan untuk melaksanakan, secara berkekalan, semua fungsi suatu entiti ekonomi yang berautonomi.

(3) Bagi maksud Penggal ini, kawalan, berhubung dengan suatu perusahaan, hendaklah dianggap wujud jika, oleh sebab hak, kontrak atau apa-apa kaedah lain, atau mana-mana kombinasi hak, kontrak atau kaedah lain, pengaruh muktamad berupaya untuk dijalankan berkenaan dengan aktiviti perusahaan itu dan, khususnya, melalui—

(*a*) pemilikan, atau hak untuk menggunakan kesemua atau sebahagian daripada aset perusahaan itu; atau

*(b)* hak atau kontrak yang membolehkan pengaruh muktamad dijalankan berkenaan dengan komposisi, undian atau keputusan perusahaan itu.

(4) Bagi maksud Penggal ini, kawalan diperoleh oleh mana-mana orang atau perusahaan lain jika orang itu atau perusahaan itu—

*(a)* menjadi pemegang hak atau kontrak, atau berhak untuk menggunakan kaedah lain, yang disebut dalam subseksyen (3); atau

*(b)* walaupun tidak menjadi pemegang itu atau tidak berhak untuk menggunakan kaedah lain itu, memperoleh kuasa untuk menjalankan hak yang berbangkit daripadanya.

(5) Dalam menentukan sama ada jenis pengaruh yang disebut dalam subseksyen (3) berupaya untuk dijalankan, perhatian hendaklah diberikan kepada semua hal keadaan perkara itu dan tidak semata-mata kepada kesan undang-undang mana-mana surat cara, surat ikatan, pemindahan, penyerahhakan atau perbuatan lain yang dilakukan atau dibuat.

(6) Bagi maksud Penggal ini, suatu percantuman tidak disifatkan berlaku jika—

*(a)* orang yang memperoleh kawalan merupakan seorang penerima atau penyelesai yang bertindak sebagai demikian atau seorang penaja jamin yang bertindak sebagai demikian;

*(b)* semua perusahaan yang terlibat dengan percantuman itu adalah, secara langsung atau tidak langsung, di bawah kawalan perusahaan yang sama;

*(c)* kawalan diperoleh semata-mata akibat daripada pemberian wasiat, kematian tidak berwasiat atau hak penakatan di bawah penyewaan bersama; atau

*(d)* kawalan diperoleh oleh suatu perusahaan yang aktiviti lazimnya termasuklah menjalankan transaksi dan urus niaga dalam sekuriti untuk akaunnya sendiri atau akaun orang lain, dalam hal keadaan yang dinyatakan dalam subseksyen (7).

WJW005003 BM.indd 49 8/27/15 10:40 AM

(7) Hal keadaan yang disebut dalam perenggan (6)*(d)* adalah seperti yang berikut:

*(a)* kawalan yang berkenaan dibentuk oleh pemegangan perusahaan itu, secara sementara, melalui sekuriti yang diperoleh dalam perusahaan lain; dan

*(b)* apa-apa penjalanan bagi hak mengundi oleh perusahaan itu berkenaan dengan sekuriti itu, sementara kawalan itu wujud—

(i) adalah bagi maksud mengaturkannya bagi pelupusan, dalam tempoh yang dinyatakan itu, kesemua atau sebahagian daripada perusahaan lain atau asetnya atau sekuritinya; dan

(ii) bukanlah bagi maksud menentukan cara apa-apa aktiviti perusahaan lain itu, yang merupakan aktiviti yang boleh memberi kesan kepada persaingan dalam pasaran perkhidmatan penerbangan, dijalankan.

(8) Dalam subseksyen (7), "tempoh yang dinyatakan" ertinya—

*(a)* tempoh dua belas bulan dari tarikh kawalan perusahaan lain itu diperoleh; atau

*(b)* jika dalam suatu hal tertentu perusahaan itu menunjukkan bahawa adalah tidak mungkin secara munasabah untuk menguatkuasakan pelupusan yang berkenaan dalam tempoh yang disebut dalam perenggan *(a)*, dalam apa-apa tempoh yang lebih lama sebagaimana yang ditentukan dan dinyatakan oleh Suruhanjaya berkenaan dengan hal itu.

**Pemberitahuan percantuman yang dijangkakan**

**55.** (1) Suatu pihak kepada percantuman yang dijangkakan bagi jenis yang berkaitan yang memohon supaya percantuman yang dijangkakan dipertimbangkan di bawah seksyen ini boleh—

*(a)* memberitahu Suruhanjaya mengenai percantuman yang dijangkakan itu; dan

*(b)* memohon kepadanya bagi suatu keputusan.

(2) Tertakluk kepada seksyen 59 dan 62, atas suatu permohonan di bawah seksyen ini, Suruhanjaya boleh membuat keputusan mengenai—

*(a)* sama ada larangan dalam seksyen 54 akan dilanggar oleh percantuman yang dijangkakan itu, jika dilaksanakan; dan

*(b)* jika larangan tidak dilanggar, sama ada hal sedemikian adalah—

(i) disebabkan oleh kesan suatu pengecualian yang akan terpakai jika percantuman yang dijangkakan itu dilaksanakan;

(ii) disebabkan oleh percantuman yang dijangkakan itu, jika dilaksanakan, dikecualikan oleh Menteri daripada pemakaian larangan di bawah subseksyen 59(2); atau

(iii) disebabkan oleh suatu aku janji telah diterima menurut seksyen 62.

(3) Tertakluk kepada subseksyen (4), jika Suruhanjaya membuat keputusan bahawa suatu percantuman yang dijangkakan, jika dilaksanakan, tidak akan melanggar larangan dalam seksyen 54, Suruhanjaya boleh, jika difikirkannya patut, menyatakan bahawa keputusan itu hendaklah sah hanya bagi tempoh yang dinyatakan dalamnya.

(4) Sebelum tamatnya tempoh yang disebut dalam subseksyen (3), jika ada, suatu permohonan boleh dibuat oleh kesemua pihak kepada percantuman yang dijangkakan itu yang memohon kepada Suruhanjaya untuk suatu keputusan mengenai percantuman yang dijangkakan di bawah seksyen ini supaya tempoh itu dilanjutkan.

(5) Jika suatu permohonan bagi percantuman yang dijangkakan untuk dipertimbangkan telah dibuat kepada Suruhanjaya mengikut subseksyen (1) dan percantuman yang dijangkakan itu dilaksanakan sebelum Suruhanjaya membuat keputusan di bawah subseksyen (2) berkenaan dengannya, permohonan yang berhubungan dengan percantuman yang dijangkakan itu—

(*a*) boleh dianggap oleh Suruhanjaya seolah-olah ia adalah permohonan bagi percantuman yang berbangkit yang hendak dipertimbangkan yang dibuat mengikut seksyen 56; dan

*(b)* Suruhanjaya boleh membuat keputusan di bawah seksyen 56 berkenaan dengan percantuman yang berbangkit itu.

(6) Bagi maksud subseksyen (5), Suruhanjaya boleh membuat suatu keputusan di bawah subperenggan 56(2)*(b)*(ii) walaupun pengecualian diberikan oleh Menteri di bawah subseksyen 59(2) berkenaan dengan percantuman yang dijangkakan itu.

(7) Walau apa pun subseksyen (5), Suruhanjaya boleh menolak untuk membuat apa-apa keputusan berkenaan dengan percantuman yang disebut dalamnya dan menghendaki mana-mana pihak yang terlibat dalam percantuman itu memohon kepada Suruhanjaya supaya percantuman itu dipertimbangkan di bawah subseksyen 56(1).

(8) Dalam seksyen ini, "percantuman yang dijangkakan bagi jenis yang berkaitan" ertinya suatu percantuman yang dijangkakan bagi jenis yang diperihalkan oleh garis panduan yang dibuat di bawah perenggan 65(2)*(c)*.

**Pemberitahuan percantuman**

**56.** (1) Suatu pihak yang terlibat dalam suatu percantuman yang memohon supaya percantuman itu dipertimbangkan di bawah seksyen ini hendaklah—

*(a)* memberitahu Suruhanjaya mengenai percantuman itu; dan

*(b)* memohon kepadanya bagi suatu keputusan.

(2) Tertakluk kepada seksyen 59 dan 62, atas suatu permohonan di bawah seksyen ini, Suruhanjaya boleh membuat keputusan mengenai—

*(a)* sama ada larangan dalam seksyen 54 telah dilanggar; dan

*(b)* jika larangan itu tidak dilanggar, sama ada hal itu—

(i) disebabkan oleh kesan suatu pengecualian;

(ii) disebabkan oleh percantuman itu dikecualikan daripada larangan di bawah subseksyen 59(2); atau

(iii) disebabkan oleh suatu aku janji telah diterima menurut seksyen 62.

(3) Suatu sebutan dalam mana-mana peruntukan Akta ini mengenai permohonan atau pemberitahuan di bawah seksyen 56 hendaklah termasuk sebutan mengenai permohonan atau pemberitahuan di bawah seksyen 55 yang dianggap oleh Suruhanjaya sebagai permohonan atau pemberitahuan di bawah seksyen 56 menurut subseksyen 55(5).

Penggal 5

*Keputusan oleh Suruhanjaya*

**Langkah interim**

**57.** (1) Seksyen ini terpakai jika Suruhanjaya telah memulakan tetapi belum menyiapkan penyiasatan di bawah seksyen 83.

(2) Jika Suruhanjaya mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana larangan di bawah Bahagian ini telah dilanggar atau mungkin akan dilanggar dan Suruhanjaya berpendapat bahawa adalah perlu baginya untuk bertindak di bawah seksyen ini oleh sebab perkara keterdesakan bagi maksud—

*(a)* menghalang kerugian serius dan tidak boleh dibaiki, dari segi ekonomi atau selainnya, kepada seseorang atau suatu kategori orang tertentu; atau

*(b)* melindungi kepentingan awam,

Suruhanjaya boleh memberikan apa-apa arahan yang difikirkannya sesuai dan bersekadar bagi maksud itu.

(3) Suatu arahan yang diberikan di bawah subseksyen (2) boleh termasuk menghendaki atau menyebabkan mana-mana orang—

*(a)* untuk menggantung kuat kuasa, dan menghentikan daripada bertindak mengikut, mana-mana perjanjian yang disyaki melanggar mana-mana larangan di bawah Bahagian ini;

*(b)* untuk menghentikan daripada apa-apa perlakuan yang disyaki melanggar mana-mana larangan di bawah Bahagian ini; atau

*(c)* untuk melakukan, atau menahan diri daripada melakukan, apa-apa perbuatan, tetapi yang tidak menghendaki pembayaran wang.

(4) Suruhanjaya hendaklah, sebelum memberikan suatu arahan di bawah subseksyen (2)—

*(a)* menyampaikan suatu notis kepada orang yang kepadanya Suruhanjaya bercadang untuk memberikan arahan itu; dan

*(b)* memberi orang itu suatu peluang untuk membuat representasi bertulis dalam tempoh sekurang-kurangnya tujuh hari dari tarikh notis itu.

(5) Suatu notis di bawah subseksyen (4) hendaklah menunjukkan jenis arahan yang dicadangkan untuk diberikan oleh Suruhanjaya dan sebab-sebab bagi pemberian arahan itu.

(6) Suruhanjaya boleh pada bila-bila masa menarik balik suatu arahan yang diberikan di bawah subseksyen (2).

(7) Tanpa menjejaskan subseksyen (6), mana-mana arahan yang diberikan di bawah subseksyen (2) hendaklah terhenti berkuat kuasa—

*(a)* pada tarikh keputusan oleh Suruhanjaya selepas siap siasatan di bawah seksyen 83; atau

*(b)* dua belas bulan dari tarikh arahan itu diberikan,

mengikut mana-mana yang lebih awal.

**Dapatan tiada pelanggaran**

**58.** Jika Suruhanjaya telah membuat keputusan bahawa tiada pelanggaran suatu larangan di bawah Bahagian VII, Suruhanjaya hendaklah, tanpa kelengahan, memberikan notis keputusan itu kepada mana-mana orang yang terjejas oleh keputusan itu dengan menyatakan fakta yang berasaskannya Suruhanjaya membuat keputusannya dan sebab Suruhanjaya membuat keputusan itu.

**Dapatan pelanggaran**

**59.** (1) Jika Suruhanjaya memutuskan bahawa terdapat pelanggaran suatu larangan di bawah Bahagian ini, Suruhanjaya—

*(a)* hendaklah menghendaki supaya pelanggaran itu dihentikan dengan serta-merta;

*(b)* boleh menyatakan langkah-langkah yang dikehendaki untuk diambil oleh perusahaan yang melanggar, yang pada hemat Suruhanjaya adalah sesuai untuk menghentikan pelanggaran itu;

*(c)* boleh mengenakan penalti kewangan yang tidak melebihi sepuluh peratus daripada pusing ganti seluruh dunia suatu perusahaan sepanjang tempoh pelanggaran itu berlaku; atau

*(d)* boleh memberikan apa-apa arahan lain yang difikirkannya sesuai.

(2) Suruhanjaya hendaklah, dalam masa empat belas hari selepas membuat keputusan di bawah Bahagian ini, memberitahu mana-mana orang yang terjejas dengan keputusan itu dan orang itu boleh, dalam masa empat belas hari dari tarikh notis itu, memohon kepada Menteri bagi aktiviti komersial, perjanjian, percantuman atau percantuman yang dijangkakan yang terpakai, mengikut mana-mana yang berkenaan, supaya dikecualikan daripada larangan itu atas alasan pertimbangan kepentingan awam.

(3) Menteri boleh membatalkan pengecualian yang diberikan di bawah subseksyen (2) jika Menteri mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa maklumat yang berdasarkannya keputusan dibuat adalah tidak lengkap, palsu atau mengelirukan dalam butir yang material.

(4) Suruhanjaya hendaklah menyediakan dan menyiarkan sebab-sebab bagi setiap keputusan yang dibuatnya di bawah seksyen ini.

**Rejim kelonggaran**

**60.** (1) Maka hendaklah ada suatu rejim kelonggaran, dengan suatu pengurangan sehingga maksimum seratus peratus bagi

apa-apa penalti yang akan dikenakan selainnya, yang boleh diadakan dalam mana-mana kes perusahaan yang telah—

*(a)* mengakui penglibatannya dalam suatu pelanggaran mana-mana larangan di bawah subseksyen 49(2); dan

*(b)* memberikan maklumat atau bentuk kerjasama yang lain kepada Suruhanjaya yang membantu secara signifikan, atau mungkin membantu secara signifikan, dalam pengenalpastian atau penyiasatan apa-apa dapatan pelanggaran mana-mana larangan oleh mana-mana perusahaan yang lain.

(2) Suatu rejim kelonggaran boleh membenarkan peratusan pengurangan yang berlainan diadakan bagi sesuatu perusahaan bergantung pada—

*(a)* sama ada perusahaan itu ialah orang yang pertama sekali yang membawa pelanggaran yang disyaki itu kepada perhatian Suruhanjaya;

*(b)* peringkat dalam penyiasatan apabila—

(i) suatu penglibatan dalam pelanggaran itu diakui; atau

(ii) apa-apa maklumat atau kerjasama lain telah diberikan; atau

*(c)* apa-apa hal keadaan lain yang difikirkan sesuai oleh Suruhanjaya untuk diambil kira.

**Penguatkuasaan arahan atau keputusan**

**61.** (1) Suruhanjaya boleh membawa prosiding di hadapan Mahkamah Tinggi terhadap mana-mana orang yang tidak mematuhi suatu arahan yang diberikan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 57 atau suatu keputusan di bawah seksyen 59.

(2) Jika Mahkamah Tinggi mendapati bahawa orang yang disebut dalam subseksyen (1) telah tidak mematuhi arahan atau keputusan itu, Mahkamah Tinggi hendaklah membuat suatu perintah menghendaki orang itu supaya mematuhi arahan atau keputusan itu.

(3) Bagi maksud subseksyen (2), jika Mahkamah Tinggi mendapati bahawa kegagalan untuk mematuhi keputusan itu termasuklah kegagalan untuk membayar penalti dalam tempoh yang dinyatakan, Mahkamah Tinggi hendaklah, sebagai tambahan kepada perintah supaya orang itu membayar penalti itu, memerintahkan supaya orang itu membayar bunga atas kadar penghakiman biasa mulai hari yang berikutan hari yang padanya bayaran itu kena dibuat.

(4) Mana-mana pelanggaran suatu perintah Mahkamah Tinggi yang dibuat menurut seksyen ini boleh dihukum sebagai suatu penghinaan mahkamah.

**Kuasa untuk menerima aku janji**

**62.** (1) Suruhanjaya boleh, tertakluk kepada syarat-syarat yang boleh dikenakan oleh Suruhanjaya, menerima daripada suatu perusahaan suatu aku janji untuk membuat atau menahan daripada membuat apa-apa jua yang difikirkan sesuai oleh Suruhanjaya.

(2) Jika Suruhanjaya menerima aku janji di bawah subseksyen (1), Suruhanjaya hendaklah, berhubung dengan suatu pelanggaran, menutup penyiasatan itu tanpa membuat apa-apa dapatan pelanggaran dan tidak boleh mengenakan penalti ke atas perusahaan itu.

(3) Mana-mana aku janji yang diterima oleh Suruhanjaya di bawah seksyen ini ialah suatu dokumen yang tersedia untuk diperiksa oleh orang awam mengikut cara yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(4) Peruntukan mana-mana aku janji yang diterima oleh Suruhanjaya di bawah seksyen ini hendaklah boleh dikuatkuasakan oleh Suruhanjaya seolah-olah peruntukan itu telah dinyatakan dalam suatu keputusan yang diberikan kepada perusahaan yang memberikan aku janji itu menurut seksyen 59.

Penggal 6

*Am*

**Kajian semula pasaran perkhidmatan penerbangan**

**63.** (1) Suruhanjaya boleh, atas inisiatifnya sendiri atau atas permintaan Menteri, menjalankan suatu kajian semula ke atas

mana-mana pasaran perkhidmatan penerbangan untuk menentukan sama ada apa-apa ciri atau gabungan ciri pasaran itu menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan dalam pasaran itu.

(2) Kajian semula pasaran perkhidmatan penerbangan itu termasuklah kajian semula terhadap—

*(a)* struktur pasaran perkhidmatan penerbangan yang berkenaan;

*(b)* perlakuan perusahaan dalam pasaran perkhidmatan penerbangan;

*(c)* perlakuan pembekal dan pengguna kepada perusahaan dalam pasaran perkhidmatan penerbangan; atau

*(d)* apa-apa perkara berkaitan yang lain.

(3) Apabila selesai kajian semula pasaran perkhidmatan penerbangan itu, Suruhanjaya hendaklah menyiarkan laporan mengenai dapatan dan syornya.

(4) Laporan Suruhanjaya itu hendaklah dijadikan tersedia kepada orang awam.

**Hak tindakan persendirian**

**64.** (1) Mana-mana orang yang mengalami kehilangan atau kerugian secara langsung akibat suatu pelanggaran mana-mana larangan di bawah Bahagian ini mempunyai hak tindakan bagi relief dalam prosiding sivil dalam mahkamah di bawah seksyen ini terhadap mana-mana perusahaan yang adalah atau pada masa material itu menjadi suatu pihak kepada pelanggaran itu.

(2) Tindakan boleh dibawa oleh mana-mana orang yang disebut dalam subseksyen (1) tanpa mengira sama ada orang itu berurusan secara langsung atau tidak langsung dengan perusahaan itu.

**Kuasa untuk mengeluarkan garis panduan**

**65.** (1) Suruhanjaya boleh mengeluarkan dan menyiarkan apa-apa garis panduan yang suai manfaat atau perlu bagi melaksanakan peruntukan Bahagian ini dengan lebih baik.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Suruhanjaya boleh mengeluarkan garis panduan mengenai—

*(a)* analisis ekonomi dan perundangan yang akan digunakan untuk menentukan kes di bawah Bahagian ini;

*(b)* prinsip yang akan digunakan untuk menentukan apa-apa penalti atau remedi yang dikenakan di bawah Bahagian ini;

*(c)* jenis percantuman yang dijangkakan yang boleh dipertimbangkan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 55; dan

*(d)* tatacara yang hendak diikuti oleh mana-mana pihak yang membuat permohonan di bawah seksyen 55 atau 56.

(3) Suruhanjaya boleh membatalkan, mengubah, menyemak semula atau meminda keseluruhan atau mana-mana bahagian mana-mana garis panduan yang dikeluarkan di bawah seksyen ini.

## Bahagian VIII

## HAK TRAFIK UDARA DAN PENGUNTUKAN SLOT

### Hak trafik udara

**66.** (1) Suruhanjaya hendaklah bertanggungjawab untuk mentadbir, menguntukkan dan menguruskan hak trafik udara yang diperoleh oleh Kementerian Pengangkutan.

(2) Dalam menjalankan fungsinya di bawah subseksyen (1), Suruhanjaya boleh—

*(a)* menilai prestasi syarikat penerbangan dalam memberikan perkhidmatan pengangkutan udara dan, sekiranya terdapat pelanggaran apa-apa syarat yang dikaitkan dengan pemberian hak trafik udara kepada sesuatu syarikat penerbangan, Suruhanjaya boleh—

(i) mengenakan penalti kewangan ke atas syarikat penerbangan itu sehingga satu juta ringgit;

(ii) menggantung pemberian hak trafik udara kepada syarikat penerbangan itu; atau

(iii) membatalkan pemberian hak trafik udara kepada syarikat penerbangan itu;

*(b)* mempertimbang kesan penguntukan hak trafik udara yang dicadangkan itu terhadap pengguna, industri penerbangan awam dan kepentingan awam;

*(c)* mempertimbang manfaat penguntukan hak trafik udara pada laluan yang sama kepada dua pemohon atau lebih;

*(d)* mempertimbang persaingan antara syarikat penerbangan yang memberikan perkhidmatan pengangkutan udara; dan

*(e)* mempertimbang apa-apa faktor lain yang ditetapkan oleh Suruhanjaya.

**Penguntukan slot**

**67.** (1) Suruhanjaya hendaklah mempunyai kuasa untuk membuat mana-mana atau semua yang berikut:

*(a)* menyelia dan memantau penguntukan slot oleh mana-mana orang;

*(b)* mengeluarkan arahan yang berhubungan dengan penguntukan slot kepada orang itu;

*(c)* menetapkan peraturan-peraturan yang menyatakan prinsip dan tatacara bagi penguntukan slot;

*(d)* menentukan apa-apa pertikaian yang berhubungan dengan penguntukan slot.

(2) Mana-mana pesawat udara yang beroperasi di aerodrom tidak boleh dengan sengaja—

*(a)* mengendalikan perkhidmatan udara pada masa yang secara signifikan berbeza daripada slot yang diuntukkan; atau

*(b)* menggunakan slot dengan cara yang secara signifikan berbeza daripada yang ditunjukkan pada masa penguntukan, jika penggunaan itu menjejaskan aerodrom atau operasi trafik udara.

(3) Bagi maksud seksyen ini, "penguntukan slot" ertinya penguntukan slot masa bagi maksud membenarkan pesawat udara mengakses kemudahan aerodrom bagi pendaratan dan pelepasan pada tarikh dan masa yang tertentu.

## Bahagian IX

### OBLIGASI PERKHIDMATAN AWAM

**Obligasi perkhidmatan awam**

**68.** (1) Suruhanjaya hendaklah menasihati Menteri berkenaan dengan dasar bagi obligasi perkhidmatan awam.

(2) Dalam menjalankan fungsi mentadbir dan menguruskan obligasi perkhidmatan awam di bawah subseksyen (1), Suruhanjaya hendaklah—

*(a)* mengenal pasti kriteria yang hendak dipakai bagi penetapan laluan obligasi perkhidmatan awam;

*(b)* menilai amaun yang hendak dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Perkhidmatan Awam bagi menjadikan sesuatu laluan obligasi perkhidmatan awam boleh berdaya maju secara komersial kepada sesuatu syarikat penerbangan;

*(c)* mentadbir program mengenai obligasi perkhidmatan awam oleh syarikat penerbangan;

*(d)* menyelia, memantau dan mengurus pelaksanaan obligasi perkhidmatan awam oleh syarikat penerbangan;

*(e)* membuat bayaran kepada syarikat penerbangan bagi pelaksanaan obligasi perkhidmatan awam mereka daripada Kumpulan Wang Perkhidmatan Awam atas apa-apa terma yang ditetapkan oleh Suruhanjaya; dan

*(f)* menghendaki syarikat penerbangan yang berkaitan untuk mematuhi segala perjanjian dan undang-undang yang terpakai dalam menjalankan obligasi perkhidmatan awam.

Bahagian X

PERLINDUNGAN PENGGUNA

**Kod pengguna**

**69.** (1) Suruhanjaya boleh menetapkan suatu kod pengguna yang hendaklah disiarkan dalam *Warta* yang boleh termasuk kehendak mengenai dasar dan amalan minimum bagi—

*(a)* memenuhi dengan munasabahnya kehendak pengguna;

*(b)* pengendalian aduan pengguna dan pampasan pengguna dalam hal pelanggaran kod pengguna;

*(c)* meningkatkan kesedaran pengguna termasuklah pengadaan maklumat kepada pengguna mengenai perkhidmatan penerbangan, caj dan tahap perkhidmatan dan standard pelaksanaan yang minimum;

*(d)* perlindungan maklumat pengguna; dan

*(e)* apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan pengguna.

(2) Dalam penyediaan dan apa-apa pindaan kod pengguna yang berikutnya di bawah subseksyen (1), Suruhanjaya hendaklah berunding dengan pihak berkepentingan termasuklah syarikat penerbangan, pengendali aerodrom dan badan dan organisasi yang berkaitan yang lain dalam industri penerbangan awam.

(3) Seseorang yang memberikan apa-apa perkhidmatan penerbangan hendaklah mematuhi kod pengguna.

(4) Suruhanjaya boleh mengenakan penalti kewangan bagi apa-apa ketidakpatuhan sebanyak suatu amaun yang tidak melebihi dua ratus ribu ringgit, dan dalam hal ketidakpatuhan kedua atau berikutnya, suatu amaun sepuluh kali daripada penalti kewangan yang dikenakan bagi ketidakpatuhan yang pertama.

**Aduan pengguna**

**70.** Suatu aduan berkenaan dengan apa-apa perkhidmatan penerbangan boleh dibuat oleh mana-mana pengguna kepada Suruhanjaya.

**Penentuan aduan pengguna**

**71.** (1) Selepas menerima aduan di bawah seksyen 70, Suruhanjaya boleh melantik mana-mana satu daripada anggotanya atau menubuhkan suatu jawatankuasa untuk mendengar dan menentukan aduan itu.

(2) Dalam menentukan aduan itu, anggota itu atau jawatankuasa itu boleh menghendaki supaya kos dibayar kepada pihak yang bagi faedahnya keputusan itu dibuat.

(3) Mana-mana orang yang didapati telah membuat aduan yang menyusahkan atau remeh hendaklah tertakluk kepada penalti kewangan berjumlah dua ratus ringgit.

**Pemerdapatan kembali penalti kewangan atau kos yang tidak dibayar**

**72.** Apa-apa penalti kewangan di bawah seksyen 69 atau kos yang dikenakan di bawah seksyen 71 yang tidak dibayar boleh dibawa guaman terhadapnya dan didapatkan kembali sebagai hutang sivil yang kena dibayar kepada Suruhanjaya dan sebagai tambahan, Mahkamah Tinggi boleh memerintahkan suatu pembayaran penalti bagi pembayaran lewat sehingga suatu amaun yang bersamaan dengan sekali ganda amaun penalti kewangan atau kos yang tidak dibayar dan kos untuk mendapatkan kembali amaun itu termasuk apa-apa kos prosiding undang-undang.

**Penguatkuasaan keputusan mengenai aduan pengguna**

**73.** (1) Suatu keputusan yang diberikan oleh Suruhanjaya di bawah Bahagian ini, atas permohonan kepada Mahkamah Tinggi untuk didaftarkan sebagai penghakiman Mahkamah Tinggi, hendaklah dikuatkuasakan sebagai sedemikian.

(2) Dalam hal jika keputusan Suruhanjaya berpihak kepada pengguna dan orang yang terhadapnya keputusan itu dibuat tidak mematuhi keputusan itu dalam masa tiga puluh hari dari tarikh keputusan itu, Suruhanjaya boleh, jika difikirkan sesuai, membawa perkara itu ke Mahkamah Tinggi bagi pihak pengguna itu mendapatkan suatu perintah yang menghendaki orang itu mematuhi keputusan itu.

Bahagian XI

PENYELESAIAN PERTIKAIAN

**Pertikaian**

**74.** (1) Apa-apa pertikaian antara dua penyedia perkhidmatan penerbangan atau lebih berkenaan dengan apa-apa perkara di bawah Akta ini hendaklah terlebih dahulu diselesaikan melalui pengantaraan.

(2) Walau apa pun mana-mana peruntukan dalam Akta Pengantaraan 2012 [*Akta 749*] yang berlawanan, pihak-pihak hendaklah menyelesaikan pertikaian itu melalui pengantaraan dalam tempoh tiga puluh hari atau apa-apa tempoh yang lebih lama yang diluluskan oleh Suruhanjaya yang tidak boleh melebihi enam puluh hari.

**Suruhanjaya hendaklah membuat keputusan mengenai pertikaian**

**75.** Jika pihak-pihak kepada pertikaian itu tidak dapat menyelesaikan pertikaian itu melalui pengantaraan dalam masa yang dinyatakan di bawah subseksyen 74(2), Suruhanjaya hendaklah mula untuk memutuskan pertikaian itu.

**Keputusan hendaklah secara bertulis**

**76.** (1) Terma dan syarat apa-apa penyelesaian sesuatu pertikaian oleh Suruhanjaya hendaklah secara bertulis dan hendaklah mengandungi sebab-sebab bagi keputusan itu.

(2) Suruhanjaya hendaklah memberikan salinan keputusannya kepada pihak-pihak kepada pertikaian itu secepat yang dapat dilaksanakan.

**Pendaftaran keputusan**

**77.** (1) Suruhanjaya hendaklah menyenggarakan suatu daftar mengenai semua keputusan di bawah Bahagian ini.

(2) Daftar itu hendaklah mengandungi—

*(a)* nama pihak-pihak kepada pertikaian itu;

*(b)* suatu perihalan am mengenai perkara yang berkaitan dengan keputusan itu dan keputusan itu; dan

*(c)* tarikh keputusan itu.

**Penguatkuasaan keputusan**

**78.** (1) Suatu keputusan yang diberikan oleh Suruhanjaya, atas permohonan kepada Mahkamah Tinggi untuk didaftarkan sebagai penghakiman Mahkamah Tinggi, hendaklah dikuatkuasakan sebagai sedemikian.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), jika Mahkamah Tinggi mendapati orang yang disebut dalam keputusan itu tidak mematuhi keputusan itu, Mahkamah Tinggi hendaklah membuat suatu perintah yang menghendaki orang itu mematuhi keputusan itu.

## Bahagian XII

### PENGUATKUASAAN DAN PENYIASATAN

**Pegawai diberi kuasa**

**79.** (1) Suruhanjaya boleh secara bertulis memberi kuasa mana-mana pegawai Suruhanjaya untuk menjalankan kuasa penguatkuasaan di bawah Akta ini.

(2) Dalam menjalankan mana-mana kuasa penguatkuasaan di bawah Akta ini, seseorang pegawai diberi kuasa hendaklah apabila diminta mengemukakan kepada orang yang terhadapnya dia bertindak kuasa yang diberikan kepadanya oleh Suruhanjaya.

**Kuasa penguatkuasaan, pemeriksaan dan penyiasatan**

**80.** Pegawai diberi kuasa hendaklah mempunyai segala kuasa seorang pegawai polis tidak kira apa jua pangkatnya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*], kecuali kuasa untuk menangkap tanpa waran, berhubung dengan

penguatkuasaan, pemeriksaan dan penyiasatan, dan kuasa itu hendaklah sebagai tambahan kepada kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta ini dan bukan pengurangan kuasa itu.

**Kuasa untuk menghendaki maklumat**

**81.** (1) Pegawai diberi kuasa boleh membuat suatu perintah di bawah subseksyen (2) terhadap mana-mana orang jika dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa orang itu—

*(a)* mempunyai apa-apa maklumat atau apa-apa dokumen yang berkaitan dengan pelaksanaan fungsi dan kuasa di bawah Akta ini; atau

*(b)* berupaya memberikan apa-apa keterangan yang pegawai diberi kuasa mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa keterangan itu berkaitan dengan pelaksanaan fungsi dan kuasa di bawah Akta ini.

(2) Perintah di bawah subseksyen (1) boleh menghendaki orang itu—

*(a)* untuk memberi pegawai diberi kuasa apa-apa maklumat itu;

*(b)* untuk mengemukakan kepada Suruhanjaya apa-apa dokumen, sama ada dalam bentuk fizikal atau perantara elektronik;

*(c)* untuk membuat salinan apa-apa dokumen dan mengemukakan salinan itu kepada Suruhanjaya;

*(d)* jika orang itu ialah seorang individu, untuk hadir, dalam suatu pendengaran tertutup, di hadapan Suruhanjaya pada masa dan di tempat yang dinyatakan dalam notis itu untuk memberikan apa-apa keterangan, sama ada secara lisan atau bertulis, dan mengemukakan mana-mana dokumen itu, sama ada dalam bentuk fizikal atau perantara elektronik;

*(e)* jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan atau badan awam, untuk menyebabkan pegawai berwibawa pertubuhan perbadanan atau badan awam itu supaya hadir, pada pendengaran tertutup, di hadapan Suruhanjaya pada masa dan di tempat yang dinyatakan dalam notis

itu untuk memberikan apa-apa keterangan, sama ada secara lisan atau bertulis, dan mengemukakan apa-apa dokumen, sama ada dalam bentuk fizikal atau perantara elektronik; atau

*(f)* jika orang itu ialah suatu perkongsian, untuk menyebabkan seorang individu yang merupakan seorang pekongsi dalam perkongsian itu atau seorang pekerja dalam perkongsian itu supaya hadir, dalam suatu pendengaran tertutup di hadapan Suruhanjaya pada masa dan di tempat yang dinyatakan dalam notis itu untuk memberikan apa-apa keterangan, sama ada secara lisan atau bertulis, dan mengemukakan apa-apa dokumen, sama ada dalam bentuk fizikal atau perantara elektronik.

(3) Orang yang diperintahkan sedemikian di bawah subseksyen (1) hendaklah—

*(a)* memberikan maklumat atau dokumen yang dikehendaki dalam masa yang dinyatakan dalam perintah itu atau apa-apa masa lanjutan yang diberikan oleh Suruhanjaya; dan

*(b)* memastikan bahawa maklumat atau dokumen yang diberikan adalah benar, tepat dan lengkap dan hendaklah memberikan suatu representasi mengenai hakikat itu, termasuklah representasi bahawa dia tidak tahu tentang apa-apa maklumat atau dokumen lain yang mungkin menjadikan maklumat atau dokumen yang diberikan itu tidak benar atau mengelirukan.

(4) Seseorang yang tidak mematuhi perintah Suruhanjaya di bawah seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

**Kuasa untuk menjalankan pemeriksaan**

**82.** (1) Bagi maksud menentukan pematuhan Akta ini atau pelanggaran kod kelakuan di bawah seksyen 15 atau kod pengguna di bawah seksyen 69, Suruhanjaya hendaklah mempunyai akses kepada mana-mana tempat atau bangunan dan boleh memeriksa dan membuat salinan atau mengambil cabutan daripada apa-apa

buku, buku minit, daftar atau dokumen lain yang dikehendaki untuk disimpan oleh Suruhanjaya atau perlu bagi maksud menentukan pematuhan kepada Akta ini.

(2) Bagi maksud seksyen ini, Suruhanjaya boleh melalui notis secara bertulis menghendaki mana-mana orang untuk mengemukakan kepadanya apa-apa buku, buku minit, daftar atau dokumen lain yang berada dalam jagaan atau di bawah kawalan orang itu.

(3) Mana-mana orang yang—

*(a)* tidak mengemukakan apa-apa buku, buku minit, daftar atau dokumen lain yang dikehendaki oleh Suruhanjaya di bawah seksyen ini; atau

*(b)* menggalang, mengugut, mengganggu, mengacau atau menghalang Suruhanjaya semasa menjalankan apa-apa kuasa di bawah seksyen ini,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

**Kuasa untuk menyiasat**

**83.** Pegawai diberi kuasa hendaklah mempunyai kuasa untuk menjalankan penyiasatan jika terdapat sebab untuk mengesyaki bahawa—

*(a)* suatu kesalahan, kemungkiran atau pelanggaran mana-mana larangan telah atau sedang dilakukan;

*(b)* terdapat percubaan untuk melakukan suatu kesalahan, kemungkiran atau pelanggaran mana-mana larangan; atau

*(c)* terdapat komplot untuk melakukan suatu kesalahan, kemungkiran atau pelanggaran mana-mana larangan,

berhubung dengan Akta ini atau pelanggaran kod kelakuan di bawah seksyen 15 atau kod pengguna di bawah seksyen 69.

**Memberikan maklumat, keterangan atau dokumen palsu atau mengelirukan**

**84.** Seseorang yang tidak mendedahkan atau meninggalkan untuk memberikan apa-apa maklumat atau keterangan atau dokumen yang

berkaitan, atau memberikan apa-apa maklumat, keterangan atau dokumen yang dia tahu atau mempunyai sebab untuk mempercayai adalah palsu atau mengelirukan, sebagai gerak balas kepada suatu arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

**Perintah pematuhan**

**85.** (1) Jika pegawai diberi kuasa berpuas hati bahawa seseorang itu telah melakukan atau mungkin akan melakukan suatu kesalahan atau telah melanggar atau mungkin akan melanggar suatu larangan terhadap Akta ini, dia boleh membuat suatu perintah pematuhan di bawah seksyen ini.

(2) Mana-mana orang yang terhadapnya suatu perintah pematuhan dibuat hendaklah mematuhi perintah itu.

(3) Suatu perintah pematuhan boleh menghendaki seseorang supaya menahan diri daripada pelakuan yang melanggar Akta ini atau mengambil tindakan yang dikehendaki bagi mematuhi Akta ini.

(4) Suatu perintah pematuhan hendaklah dibuat secara bertulis yang menyatakan alasan bagi pembuatannya.

**Pemberian maklumat**

**86.** (1) Mana-mana orang yang—

*(a)* mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa seseorang pegawai diberi kuasa sedang bertindak, atau bercadang untuk bertindak, berkaitan dengan suatu penyiasatan yang sedang, atau akan, dijalankan di bawah atau bagi maksud Akta ini dan menzahirkan kepada mana-mana orang lain maklumat atau apa-apa perkara lain yang mungkin menjejaskan penyiasatan itu atau penyiasatan yang dicadangkan itu; atau

*(b)* mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa suatu penzahiran telah dibuat kepada seorang pegawai diberi kuasa di bawah Akta ini dan

menzahirkan kepada mana-mana orang lain maklumat atau apa-apa perkara lain yang mungkin menjejaskan apa-apa penyiasatan yang mungkin dijalankan berikutan dengan penzahiran itu,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(2) Tiada apa pun dalam subseksyen (1) menjadikan suatu kesalahan bagi seseorang peguam bela dan peguam cara atau pekerjanya untuk menzahirkan apa-apa maklumat atau perkara lain—

*(a)* kepada pelanggannya atau wakil pelanggannya berkaitan dengan pemberian nasihat kepada pelanggan itu dalam penjalanan dan bagi maksud pengambilan khidmat profesional peguam bela dan peguam cara itu; atau

*(b)* kepada mana-mana orang pada menjangkakan, atau berkaitan dengan dan bagi maksud, apa-apa prosiding undang-undang.

(3) Subseksyen (2) tidaklah terpakai berhubungan dengan apa-apa maklumat atau perkara lain yang dizahirkan dengan tujuan untuk melaksanakan apa-apa maksud yang menyalahi undang-undang.

(4) Dalam prosiding terhadap seseorang bagi suatu kesalahan di bawah seksyen ini, menjadi pembelaan jika orang itu membuktikan bahawa—

*(a)* dia tidak mengetahui atau mengesyaki bahawa penzahiran yang dibuat di bawah perenggan (1)*(b)* berkemungkinan menjejaskan penyiasatan itu; atau

*(b)* dia mempunyai kuasa sah atau alasan munasabah untuk membuat penzahiran itu.

**Ancaman atau tindakan balas dilarang**

**87.** (1) Tiada seorang pun boleh—

*(a)* memaksa atau cuba untuk memaksa mana-mana orang untuk menahan diri daripada melakukan apa-apa perbuatan yang disebut dalam subseksyen (3); atau

*(b)* menjadikan mana-mana orang tertakluk kepada apa-apa keadaan merugikan dari segi komersial atau selainnya sebagai tindakan balas terhadap orang itu kerana melakukan apa-apa perbuatan yang disebut dalam subseksyen (3).

(2) Bagi maksud dan tanpa menjejaskan keluasan perenggan (1)*(b)*, keadaan merugikan dari segi komersial atau selainnya boleh termasuk suatu ancaman pembayaran lewat untuk amaun yang kena dibayar dengan sewajarnya kepada orang itu, pembawaan atau penjalanan yang tidak munasabah litigasi terhadap orang itu, pembatalan pesanan dengan orang itu, atau pengalihan perniagaan daripada, atau keengganan untuk berdagang dengan, orang itu.

(3) Perbuatan yang disebut dalam subseksyen (1) adalah seperti yang berikut:

*(a)* membuat suatu aduan kepada Suruhanjaya; dan

*(b)* bekerjasama dengan, atau menawarkan atau bersetuju untuk bekerjasama dengan, Suruhanjaya berkaitan dengan apa-apa penyiasatan oleh Suruhanjaya.

(4) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya; dan bagi kesalahan kedua atau kesalahan berikutnya, didenda tidak melebihi dua juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

## Bahagian XIII

## AM

**Rayuan kepada Mahkamah Tinggi**

**88.** (1) Mana-mana orang atau badan yang terkilan dengan mana-mana keputusan Suruhanjaya di bawah Bahagian VII boleh, pada bila-bila masa dalam tempoh tiga bulan bermula dari tarikh dia diberitahu tentang keputusan itu, merayu kepada Mahkamah Tinggi.

(2) Apa-apa rayuan itu hendaklah dibuat mengikut peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa pada masa itu yang berhubungan dengan tatacara sivil; dan Mahkamah Tinggi hendaklah membuat apa-apa perintah yang difikirkannya adil.

(3) Dalam seksyen ini, "keputusan" termasuklah apa-apa perbuatan, peninggalan, keengganan, arahan atau perintah.

**Audit industri penerbangan awam**

**89.** (1) Suruhanjaya boleh, pada bila-bila masa, menjalankan atau melantik seorang juruaudit untuk menjalankan suatu audit ke atas mana-mana aspek industri penerbangan awam termasuklah pengendalian lapangan terbang dan perkhidmatan yang berkaitan.

(2) Suruhanjaya hendaklah, secepat yang mungkin, menghantar suatu salinan laporan juruaudit kepada Menteri dan Menteri hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen.

**Penyata, laporan, akaun dan maklumat**

**90.** (1) Suruhanjaya hendaklah memberi Menteri, dan mana-mana pihak berkuasa awam yang dinyatakan oleh Menteri, apa-apa penyata, laporan, akaun dan maklumat berkenaan dengan aktivitinya dan kewangannya sebagaimana yang dikehendaki atau diarahkan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

(2) Suruhanjaya hendaklah, secepat yang dapat dilaksanakan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, menyebabkan supaya suatu laporan dibuat dan dihantar kepada Menteri, dan, jika diarahkan sedemikian oleh Menteri, kepada mana-mana pihak berkuasa awam lain yang memperkatakan aktiviti Suruhanjaya semasa tahun kewangan yang sebelumnya.

(3) Penyata, laporan, akaun dan maklumat itu hendaklah dalam apa-apa bentuk dan hendaklah mengandungi apa-apa maklumat yang berhubungan dengan prosiding dan dasar Suruhanjaya dan apa-apa perkara lain yang dinyatakan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

**Penjalanan pendakwaan**

**91.** Tiada pendakwaan bagi mana-mana kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali dengan keizinan secara bertulis daripada Pendakwa Raya.

**Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan**

**92.** (1) Jika seseorang yang disabitkan berkenaan dengan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini ialah suatu pertubuhan perbadanan, ia hanya boleh dihukum dengan denda yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

(2) Jika suatu kesalahan terhadap Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya telah dilakukan oleh suatu pertubuhan perbadanan, mana-mana orang yang pada masa pelakuan kesalahan itu merupakan seorang pengarah, ketua pegawai eksekutif, pegawai, pekerja, wakil atau setiausaha pertubuhan perbadanan itu atau yang berupa sebagai bertindak atas apa-apa sifat sedemikian atau dengan apa-apa cara atau pada apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal pertubuhan perbadanan itu atau yang membantu dalam pengurusan sedemikian—

*(a)* boleh dipertuduh secara berasingan atau bersesama dalam prosiding yang sama bersekali dengan pertubuhan perbadanan itu; dan

*(b)* hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuannya atau pengetahuannya dan bahawa dia telah menjalankan segala usaha yang wajar untuk menghalang pelakuan kesalahan itu sebagaimana yang patut dijalankannya, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan semua hal keadaan.

(3) Jika seseorang yang merupakan pekerja sesuatu pertubuhan perbadanan melanggar mana-mana peruntukan Akta ini, pertubuhan perbadanan itu hendaklah disifatkan telah melanggar peruntukan itu.

(4) Bagi maksud seksyen ini, "pegawai", berhubung dengan seseorang pengarah suatu perbadanan, termasuklah—

*(a)* seseorang yang menjawat atau bertindak dalam kedudukan seorang pengarah perbadanan, dengan apa jua nama yang dipanggil, dan sama ada atau tidak dilantik secara sah atau diberi kuasa dengan sewajarnya untuk bertindak atas kedudukan itu;

*(b)* seseorang yang mengikut arahannya atau suruhannya pengarah suatu perbadanan pada kebiasaannya bertindak; dan

*(c)* jika perbadanan itu diperbadankan di luar Malaysia—

(i) seorang anggota lembaga perbadanan itu;

(ii) seorang yang menjawat atau bertindak dalam kedudukan pengarah lembaga perbadanan, dengan apa jua nama yang dipanggil, dan sama ada atau tidak dilantik dengan sah untuk menjawat atau diberi kuasa sewajarnya untuk bertindak atas kedudukan itu; dan

(iii) seorang yang mengikut arahannya atau suruhannya anggota lembaga perbadanan pada kebiasaannya bertindak.

**Pekhidmat awam dan pegawai awam**

**93.** Semua anggota Suruhanjaya dan mana-mana jawatankuasanya, dan pekerja atau ejen Suruhanjaya, semasa menunaikan kewajipan mereka di bawah Akta ini sebagai anggota, pekerja atau ejen sedemikian, hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

**Obligasi kerahsiaan**

**94.** (1) Kecuali bagi apa-apa maksud Akta ini atau bagi maksud apa-apa prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau jika selainnya dibenarkan oleh Suruhanjaya—

*(a)* tiada anggota Suruhanjaya atau mana-mana jawatankuasanya atau mana-mana pekerja atau ejen Suruhanjaya atau mana-mana orang yang menghadiri mana-mana mesyuarat

Suruhanjaya atau mana-mana jawatankuasanya, sama ada semasa atau selepas tempoh jawatannya atau pekerjaannya, boleh menzahirkan apa-apa maklumat yang didapatinya dalam penjalanan kewajipannya dan yang tidak disiarkan menurut Akta ini atau Akta Penerbangan Awam 1969; dan

*(b)* tiada seorang lain pun yang melalui apa-apa cara mempunyai akses kepada apa-apa maklumat atau dokumen yang berhubungan dengan hal ehwal Suruhanjaya boleh menzahirkan maklumat atau dokumen itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

**Representasi dalam prosiding sivil**

**95.** Walau apa pun peruntukan dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain—

*(a)* dalam mana-mana prosiding sivil oleh atau terhadap Suruhanjaya;

*(b)* dalam mana-mana prosiding sivil terhadap mana-mana pekerja berhubung dengan pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini; atau

*(c)* dalam mana-mana prosiding sivil lain yang dalamnya Suruhanjaya dikehendaki atau dibenarkan oleh mahkamah untuk diwakili, atau didengari, atau selainnya berhak untuk diwakili atau didengari,

mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya bagi maksud itu boleh, bagi pihak Suruhanjaya atau pekerja itu, memulakan prosiding sedemikian atau hadir dalam prosiding itu dan boleh membuat semua kehadiran dan permohonan dan melakukan semua perbuatan berkenaan dengan prosiding itu bagi pihak Suruhanjaya atau pekerja itu.

**Perlindungan daripada guaman dan prosiding undang-undang**

**96.** Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain boleh diambil, atau dibawa, dimulakan atau dibuat dalam mana-mana mahkamah terhadap—

*(a)* Suruhanjaya; atau

*(b)* mana-mana anggota Suruhanjaya atau jawatankuasa, mana-mana pekerja atau ejen Suruhanjaya,

berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya dengan suci hati atau apa-apa peninggalan yang ditinggalkan olehnya dengan suci hati atas sifat yang sedemikian.

**Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948**

**97.** Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Suruhanjaya atau anggota Suruhanjaya, anggota jawatankuasa, dan pekerja atau ejen Suruhanjaya berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan dengan suci hati atau apa-apa peninggalan olehnya dengan suci hati atas sifat yang sedemikian.

**Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan**

**98.** (1) Suruhanjaya boleh membuat peraturan-peraturan sebagaimana yang perlu atau suai manfaat bagi—

*(a)* menguatkuasakan dengan sepenuhnya peruntukan Akta ini;

*(b)* menjalankan atau mencapai matlamat dan maksud Akta ini; atau

*(c)* pelaksanaan peruntukan Akta ini dengan lebih lanjut, lebih baik atau sesuai.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat bagi—

*(a)* menetapkan semua perkara yang berhubungan dengan pengeluaran lesen dan permit di bawah Akta ini, termasuk kelayakan orang yang memohon lesen dan permit itu, fi lesen dan permit, tempoh lesen dan permit, bentuk lesen dan permit, syarat standard lesen dan permit, fi permohonan, fi tahunan, fi pembaharuan dan caj pemprosesan yang lain;

*(b)* menetapkan perkara yang berkaitan dengan penguntukan hak trafik udara;

*(c)* menetapkan perkara yang berkaitan dengan penguntukan slot di aerodrom;

*(d)* menetapkan kod kelakuan bagi anggota Suruhanjaya dan anggota jawatankuasa;

*(e)* menetapkan syarat-syarat perkhidmatan, kelakuan dan tatatertib pekerja Suruhanjaya;

*(f)* menetapkan perkara yang berkaitan dengan obligasi perkhidmatan awam;

*(g)* menetapkan kod pengguna dan perkara yang berkaitan dengan perlindungan pengguna;

*(h)* menetapkan perkara yang berkaitan dengan penyelesaian pertikaian;

*(i)* menetapkan perkara yang berkaitan dengan persaingan dalam industri penerbangan awam;

*(j)* menetapkan perkara yang berkaitan dengan perkhidmatan pengendalian darat;

*(k)* menetapkan fi dan caj yang kena dibayar kepada Suruhanjaya di bawah Akta ini dan cara untuk memungut dan membayar fi itu;

*(l)* mengadakan peruntukan bagi pengawalseliaan kesemua atau mana-mana aktiviti Suruhanjaya dan secara amnya pelaksanaan fungsi, penjalanan kuasa dan penunaian kewajipan Suruhanjaya di bawah Akta ini; dan

*(m)* mengadakan peruntukan bagi apa-apa perkara lain sebagaimana yang dijangkakan oleh, atau perlu bagi menguatkuasakan sepenuhnya, peruntukan Akta ini dan bagi pentadbiran sewajarnya.

(3) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh menetapkan apa-apa perbuatan yang melanggar peraturan-peraturan sebagai suatu kesalahan dan boleh menetapkan penalti denda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan itu.

**Kuasa untuk meminda Jadual**

**99.** Menteri boleh, atas syor Suruhanjaya, meminda mana-mana Jadual melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

## Bahagian XIV

## KECUALIAN DAN PERALIHAN

**Kecualian bagi lesen dan permit**

**100.** (1) Tiap-tiap orang yang, sebelum tarikh yang ditetapkan, memegang suatu lesen atau permit yang sah yang dikeluarkan kepadanya di bawah Akta Penerbangan Awam 1969 atau Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 1996, atau apa-apa hak trafik udara yang diuntukkan kepadanya bagi perkhidmatan domestik atau antarabangsa oleh Kementerian Pengangkutan, hendaklah terus diberi kuasa di bawah Akta ini sehingga tarikh habis tempoh lesen, permit atau hak itu dan tertakluk kepada terma dan syarat yang dikaitkan dengan lesen, permit atau hak itu.

(2) Tiada apa pun dalam seksyen ini boleh ditafsirkan sebagai melanjutkan tempoh atau jangka masa lesen, permit atau hak yang dinyatakan dalam subseksyen (1) melampaui tarikh habis tempohnya.

(3) Suruhanjaya boleh mengubah terma dan syarat yang dikaitkan dengan lesen, permit atau hak yang diberi kuasa di bawah subseksyen (1) bagi maksud menyelaraskan lesen, permit atau hak itu dengan dasar Suruhanjaya berkenaan dengan pengenaan syarat mengenai pelesenan dan permit di bawah Akta ini.

(4) Peruntukan Akta ini yang berhubungan dengan pembatalan lesen, permit atau hak hendaklah terpakai bagi semua orang yang disifatkan di bawah subseksyen (1) sebagai diberi kuasa di bawah Akta ini.

**Kecualian bagi Perjanjian Perkhidmatan Udara Luar Bandar**

**101.** Perjanjian Perkhidmatan Udara Luar Bandar yang dibuat antara Kerajaan dengan MASwings Sdn. Bhd. yang wujud sebelum tarikh yang ditetapkan hendaklah mempunyai kuat kuasa dan berkesan sepenuhnya dan hendaklah pada tarikh yang ditetapkan dipantau oleh Suruhanjaya.

**Penerusan permohonan, dsb., yang belum selesai**

**102.** (1) Semua permohonan, kelulusan atau keputusan, atas rayuan atau selainnya, berkaitan dengan perkara di bawah Akta ini, yang belum selesai di hadapan Menteri atau Ketua Pengarah Penerbangan Awam di bawah Akta Penerbangan Awam 1969 atau Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 1996, hendaklah pada tarikh yang ditetapkan diuruskan oleh Suruhanjaya di bawah Akta ini.

(2) Semua surat cara, perakuan atau dokumen yang berkaitan dengan perkara di bawah Akta ini yang diserah simpan dengan Menteri atau Ketua Pengarah Penerbangan Awam di bawah Akta Penerbangan Awam 1969 atau Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 1996 sebelum tarikh yang ditetapkan hendaklah pada tarikh yang ditetapkan diserah simpan dengan Suruhanjaya.

**Perkhidmatan pengendalian darat yang sedia ada**

**103.** (1) Seseorang hendaklah hanya diberi kuasa untuk menjalankan perkhidmatan dan aktiviti yang dinyatakan dalam mana-mana perjanjian dan perjanjian tambahan berkenaan dengan perkhidmatan pengendalian darat bagi tempoh satu tahun dari tarikh yang ditetapkan atau apa-apa tempoh lain yang boleh dilanjutkan oleh Suruhanjaya jika orang itu menyerah simpan suatu salinan perjanjian dan perjanjian tambahan yang diperakukan dengan Suruhanjaya dalam masa enam bulan dari tarikh yang ditetapkan atau apa-apa tempoh yang dilanjutkan oleh Suruhanjaya.

(2) Pemberian kuasa yang diberikan kepada orang yang diberi kuasa di bawah subseksyen (1) hendaklah luput jika mereka tidak mendaftar dengan Suruhanjaya dalam masa enam bulan atau apa-apa tempoh yang dilanjutkan yang disebut dalam subseksyen (1) selepas tarikh yang ditetapkan.

### Perjanjian yang sedia ada

**104.** (1) Seseorang hendaklah diberi kuasa untuk menjalankan perkhidmatan dan aktiviti yang dinyatakan dalam sesuatu perjanjian berkenaan dengan obligasi perkhidmatan awam dan apa-apa perjanjian pengendalian atau konsesi sehingga tarikh habis tempoh perjanjian itu dan tertakluk kepada terma dan syarat yang dikaitkan dengan perjanjian itu.

(2) Tiada apa pun dalam seksyen ini boleh ditafsirkan sebagai melanjutkan tempoh atau jangka masa sesuatu perjanjian yang dinyatakan dalam subseksyen (1) melampaui tarikh habis tempohnya.

### Benda yang dilakukan pada menjangkakan Akta ini diperbuat

**105.** Segala perbuatan dan benda yang dilakukan bagi pihak Suruhanjaya dalam menyediakan atau menjangkakan pembuatan Akta ini dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubungan dengannya hendaklah disifatkan telah dibenarkan di bawah Akta ini, dengan syarat bahawa perbuatan dan benda yang dibuat itu adalah selaras dengan niat dan maksud am Akta ini, dan segala hak dan obligasi yang diperoleh atau dilakukan akibat daripada pembuatan perbuatan atau benda itu termasuklah apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengannya hendaklah apabila Akta ini berkuat kuasa disifatkan sebagai hak dan obligasi Suruhanjaya.

## Jadual Pertama

[Seksyen 14]

MESYUARAT

**Suruhanjaya**

**1.** (1) Suruhanjaya hendaklah mengadakan seberapa banyak mesyuarat yang perlu bagi melaksanakan fungsinya dengan cekap dan mesyuarat itu hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang ditentukan oleh Pengerusi Eksekutif.

(2) Pengerusi Eksekutif hendaklah memastikan bahawa mesyuarat Suruhanjaya diadakan tidak kurang daripada tiga kali dalam setahun.

(3) Pengerusi Eksekutif hendaklah mempengerusikan mesyuarat Suruhanjaya.

(4) Suatu kuorum boleh dibentuk pada mana-mana mesyuarat—

*(a)* oleh Pengerusi Eksekutif dan sekurang-kurangnya empat anggota lain Suruhanjaya yang salah seorang daripadanya merupakan anggota yang dinyatakan dalam perenggan 5(1)*(b)*; atau

*(b)* oleh anggota Suruhanjaya yang dilantik di bawah seksyen 6 untuk bertindak secara sementara sebagai Pengerusi Eksekutif dan sekurang-kurangnya empat orang anggota lain Suruhanjaya, yang salah seorang daripadanya merupakan anggota yang dinyatakan dalam perenggan 5(1)*(b)*.

(5) Tiap-tiap anggota yang hadir pada mesyuarat Suruhanjaya layak mendapat satu undi.

(6) Jika tentang apa-apa persoalan yang hendaklah ditentukan oleh Suruhanjaya terdapat bilangan undi yang sama banyak, Pengerusi Eksekutif hendaklah mempunyai undi pemutus sebagai tambahan kepada undi biasanya.

(7) Mana-mana anggota Suruhanjaya boleh meminta supaya diadakan atau untuk menyertai mana-mana mesyuarat melalui peranti telekomunikasi serta-merta seperti telefon, sidang video atau kaedah elektronik lain bagi komunikasi audio atau audio-visual. Penyambungan bersama dengan serentak beberapa bilangan anggota melalui peranti telekomunikasi serta-merta itu cukup untuk membentuk suatu kuorum, walaupun pada hakikatnya anggota-anggota itu tidak hadir bersama di satu tempat pada masa mesyuarat itu bersidang, hendaklah menjadi mesyuarat yang diadakan dan dibentuk dengan sewajarnya, dengan syarat bahawa—

*(a)* Pengerusi Eksekutif telah meluluskan pengadaan atau penyertaan dalam mesyuarat itu melalui peranti telekomunikasi serta-merta;

*(b)* semua anggota Suruhanjaya menerima notis mengenai mesyuarat itu dan kaedah yang melaluinya mesyuarat itu akan dijalankan;

*(c)* setiap anggota Suruhanjaya yang mengambil bahagian dalam mesyuarat itu melalui peranti telekomunikasi serta-merta mestilah boleh mendengar setiap anggota lain yang mengambil bahagian pada masa permulaan dan selama tempoh mesyuarat itu; dan

*(d)* pada permulaan mesyuarat dan sebelum pengundian tentang apa-apa ketetapan, setiap anggota Suruhanjaya mestilah mengesahkan kehadirannya bagi maksud mesyuarat itu kepada semua anggota lain yang mengambil bahagian.

**Mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat**

**2.**(1) Suruhanjaya boleh mengundang mana-mana orang lain untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau perbincangan Suruhanjaya bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan tetapi mana-mana orang yang hadir sedemikian tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat atau perbincangan itu.

(2) Mana-mana orang yang diundang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau perbincangan Suruhanjaya di bawah subperenggan (1) boleh dibayar apa-apa elaun dan perbelanjaan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

**Ketetapan tanpa mesyuarat**

**3.** (1) Sesuatu ketetapan dikira telah diluluskan dalam sesuatu mesyuarat jika—

*(a)* semua anggota Suruhanjaya telah dimaklumkan tentang ketetapan yang dicadangkan itu, atau usaha yang munasabah telah dibuat untuk memaklumkan semua anggota Suruhanjaya mengenai ketetapan yang dicadangkan itu; dan

*(b)* tanpa mesyuarat, semua anggota Suruhanjaya menandakan persetujuan tentang ketetapan itu mengikut kaedah yang ditentukan oleh Suruhanjaya di bawah subperenggan (2).

(2) Subperenggan (1) terpakai hanya jika Suruhanjaya—

*(a)* memutuskan bahawa subperenggan itu terpakai; dan

*(b)* memutuskan kaedah yang dengannya anggota Suruhanjaya hendaklah menandakan persetujuan tentang ketetapan itu.

**Minit**

**4.**(1) Suruhanjaya hendaklah menyebabkan supaya minit kesemua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Apa-apa minit yang dibuat mengenai mesyuarat Suruhanjaya hendaklah, jika ditandatangani dengan sewajarnya, diterima sebagai keterangan dalam segala prosiding undang-undang tanpa bukti selanjutnya.

(3) Tiap-tiap mesyuarat Suruhanjaya yang berkenaan dengan prosiding yang minitnya telah dibuat mengikut subperenggan (1) dan (2) hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

**Tatacara**

**5.** Tertakluk kepada Akta ini, Suruhanjaya boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.

**Kesahan perbuatan dan prosiding**

**6.** Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—

*(a)* terdapat apa-apa kekosongan dalam keanggotaan, atau terdapat apa-apa kecacatan dalam penubuhan Suruhanjaya;

*(b)* terdapat apa-apa peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit kes itu.

**Anggota Suruhanjaya hendaklah menumpukan masa kepada urusan Suruhanjaya**

**7.** Tiap-tiap anggota Suruhanjaya hendaklah menumpukan masa kepada urusan Suruhanjaya sebagaimana yang perlu untuk menunaikan kewajipannya dengan berkesan.

*Jawatankuasa*

**Mesyuarat**

**1.** (1) Jawatankuasa hendaklah mengadakan seberapa banyak mesyuarat yang perlu bagi melaksanakan fungsinya dengan cekap dan mesyuarat itu hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa.

(2) Pengerusi jawatankuasa hendaklah mempengerusikan sesuatu mesyuarat jawatankuasa.

**Mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat**

**2.** (1) Jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang lain untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau perbincangan bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan.

(2) Mana-mana orang yang diundang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau perbincangan di bawah subperenggan (1) boleh dibayar apa-apa elaun dan perbelanjaan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

**Minit**

**3.**(1) Tiap-tiap jawatankuasa hendaklah menyebabkan supaya minit kesemua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Suatu jawatankuasa hendaklah menyebabkan salinan minit kesemua mesyuaratnya ditandatangani dan dikemukakan kepada Suruhanjaya secepat yang dapat dilaksanakan.

(3) Apa-apa minit yang dibuat mengenai mesyuarat jawatankuasa hendaklah, jika ditandatangani dengan sewajarnya, diterima sebagai keterangan dalam segala prosiding undang-undang tanpa bukti selanjutnya

(4) Tiap-tiap mesyuarat jawatankuasa yang berkenaan dengan prosiding yang minitnya telah dibuat mengikut subperenggan (1) dan (2) hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

**Tatacara**

**4.** Tertakluk kepada Akta ini, jawatankuasa boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.

## JADUAL KEDUA

[Seksyen 37]

SENARAI PERKHIDMATAN PENGENDALIAN DARAT

**1.** *Pentadbiran dan penyeliaan darat, terdiri daripada—*

*(a)* perkhidmatan representasi dan perhubungan dengan pihak berkuasa tempatan atau mana-mana entiti lain, pembayaran bagi pihak pengguna lapangan terbang dan peruntukan ruang pejabat bagi wakilnya;

*(b)* kawalan beban, pemesejan dan telekomunikasi;

*(c)* pengendalian, penyimpanan dan pentadbiran peranti beban unit;

*(d)* apa-apa perkhidmatan penyeliaan lain sebelum, semasa dan selepas penerbangan; dan

*(e)* apa-apa perkhidmatan pentadbiran yang lain yang diminta oleh pengguna lapangan terbang.

**2.** *Pengendalian penumpang* merangkumi apa-apa jenis bantuan kepada penumpang yang tiba, berlepas, berpindah atau dalam transit, termasuk penyemakan tiket dan dokumen perjalanan, pendaftaran bagasi dan membawanya ke kawasan pengisihan.

**3.** *Pengendalian muatan dan mel merangkumi—*

*(a)* bagi muatan: pengendalian dokumen yang berhubungan, tatacara kastam dan pelaksanaan mana-mana tatacara keselamatan yang dipersetujui antara pihak-pihak atau yang dikehendaki dalam hal keadaan;

*(b)* bagi mel: pengendalian dokumen yang berhubungan dan pelaksanaan mana-mana tatacara keselamatan antara pihak-pihak atau yang dikehendaki oleh hal keadaan.

**4.** *Perkhidmatan pesawat udara, merangkumi—*

*(a)* pembersihan luaran dan dalaman pesawat udara, dan perkhidmatan tandas dan air;

*(b)* pendinginan dan pemanasan kabin, pengalihan salji dan ais, dan penyahaisan pesawat udara; dan

*(c)* pengaturan semula kabin dengan kelengkapan kabin yang sesuai, penstoran kelengkapan.

**5.** *Penyenggaraan pesawat udara, merangkumi—*

*(a)* perkhidmatan rutin yang dilakukan sebelum penerbangan;

*(b)* perkhidmatan bukan rutin yang diminta oleh pengguna lapangan terbang;

*(c)* pengadaan dan pentadbiran barang ganti dan kelengkapan yang sesuai;

*(d)* permintaan bagi atau tempahan parkir dan/atau ruang hangar yang sesuai.

**6.** *Operasi penerbangan dan pentadbiran anak kapal, merangkumi—*

*(a)* persediaan penerbangan di lapangan terbang pelepasan atau di mana-mana tempat lain;

*(b)* bantuan dalam penerbangan, termasuk penghantaran semula jika diperlukan;

*(c)* aktiviti pasca penerbangan;

*(d)* pentadbiran anak kapal.

**7.** *Pengangkutan permukaan merangkumi—*

*(a)* pengaturan dan pelaksanaan pengangkutan anak kapal, penumpang, bagasi, muatan dan mel antara terminal yang berlainan di lapangan terbang yang sama, tetapi tidak termasuk mengangkut anak kapal, penumpang, bagasi, muatan dan mel antara pesawat udara dengan mana-mana tempat lain dalam perimeter lapangan terbang yang sama;

*(b)* apa-apa pengangkut khas yang diminta oleh pengguna lapangan terbang.

**8.** *Perkhidmatan katering merangkumi—*

*(a)* perhubungan dengan pembekal dan pengurusan pentadbiran;

*(b)* penyimpanan makanan dan minuman dan kelengkapan yang diperlukan bagi penyediaan makanan dan minuman itu;

*(c)* pembersihan kelengkapan;

*(d)* penyediaan dan penghantaran kelengkapan serta bekalan bar dan makanan.

**9.** *Pengendalian bagasi,* merangkumi pengendalian bagasi dalam kawasan pengisihan yang mengisihkannya, menyediakannya bagi pelepasan, memuatkannya ke dalam dan memunggahkannya daripada alat yang direka bentuk untuk menggerakkannya daripada pesawat udara kepada kawasan pengisihan dan begitu juga sebaliknya, serta mengangkut bagasi daripada kawasan pengisihan ke kawasan menuntut bagasi.

**10.** *Pengendalian muatan dan mel* yang berkenaan, pengendalian fizikal muatan dan mel sama ada masuk, keluar atau sedang dipindahkan, antara terminal udara dengan pesawat udara.

**11.** *Pengendalian tanjakan merangkumi—*

*(a)* mengiringi pesawat udara atas landasan semasa ketibaan dan pelepasan;

*(b)* bantuan untuk parkir pesawat udara dan pengadaan peranti yang sesuai;

*(c)* komunikasi antara pesawat udara dengan penyedia perkhidmatan di kawasan udara;

*(d)* pemuatan dan pemunggahan pesawat udara, termasuk pengadaan dan operasi kaedah yang sesuai, serta pengangkutan anak kapal dan penumpang antara pesawat udara dengan terminal, dan pengangkutan bagasi antara pesawat udara dengan terminal;

*(e)* pengadaan dan pengendalian unit yang sesuai bagi menghidupkan enjin;

*(f)* pergerakan pesawat udara semasa ketibaan dan pelepasan, serta pengadaan dan pengendalian peranti yang sesuai;

*(g)* pengangkutan, pemuatan ke dalam dan pemunggahan makanan dan minuman daripada pesawat udara.

**12.** *Pengendalian bahan api dan minyak, merangkumi—*

*(a)* pengaturan dan pelaksanaan operasi pengisian minyak dan pembuangan minyak, termasuk penstoran bahan api dan kawalan kualiti dan kuantiti penghantaran bahan api;

*(b)* pengisian semula minyak dan bendalir lain.

**13.** Apa-apa perkhidmatan lain yang ditentukan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

## Jadual Ketiga

[Seksyen 48]

### AKTIVITI KOMERSIAL, PERJANJIAN DAN PERCANTUMAN YANG DIKECUALIKAN

**1.** Pentadbiran dan peruntukan obligasi perkhidmatan awam dan perjanjian yang dibuat berkenaan dengan obligasi perkhidmatan awam.

**2.** Perjanjian yang sedia ada yang dibuat dengan Kerajaan sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.

**3.** Suatu perjanjian atau perlakuan setakat yang ia terlibat dalam suatu perintah untuk mematuhi suatu kehendak perundangan.

**4.** Aktiviti perundingan kolektif atau perjanjian kolektif berkenaan dengan terma dan syarat penggajian dan yang dirunding atau diselesaikan antara pihak-pihak yang termasuk kedua-dua majikan dan pekerja atau organisasi yang ditubuhkan untuk mewakili kepentingan majikan atau pekerja.

**5.** Suatu perusahaan yang dipertanggungjawabkan dengan operasi perkhidmatan yang berkepentingan ekonomi am atau mempunyai ciri monopoli pengeluaran hasil setakat yang larangan di bawah Penggal 2 Bahagian VII akan menghalang pelaksanaan, di sisi undang-undang atau pada hakikatnya, tugas yang tertentu yang diberikan kepada perusahaan itu.